

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 155 ● 25 FEBRUARI - 3 MAC 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## Warga asing haram menjaja di ibu kota



**K**ELIBAT warga asing yang kembali menjaja di pasar-pasar basah di Kuala Lumpur amat membimbangkan. Di Pasar Harian Selayang (PHS) dan Pasar Borong Kuala Lumpur mereka bermaharajalela menjalankan perniagaan secara haram.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada Selasa melakukan lawatan mengejut

di PHS berikutan aduan orang ramai terutamanya peniaga tempatan.

“Saya arahkan DBKL supaya pastikan tiada warga asing boleh berniaga sewenang-wenangnya di sini tanpa lesen dan premis yang sah,” ujarnya selepas lawatan mengejut tersebut.

Wilayahku edisi ini turut membuat laporan khas mengenai kehadiran peniaga warga asing di Lorong Tunku

Abdul Rahman Pusat Bandar Kuala Lumpur yang meresahkan peniaga-peniaga tempatan.

Wartawan Hazirah Halim bersama jurufoto Nooreeza Hashim mendengar keluhan dan menemu ramah peniaga-peniaga yang memberikan pandangan terhadap isu ini.

BACA LANJUT DI MUKA 3 9, 10, 11 & 24



## Kerajaan PH batal 33 projek punca PR1MA rugi RM1.1 bilion

PERBADANAN PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terpaksa menanggung kerugian berjumlah RM1.1 bilion kerana perlu membayar pampasan kepada kontraktor.

Bercakap mengenai perkara itu, Pengurusinya, Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahaya berkata, tindakan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang

membatalkan kira-kira 33 projek perumahan di bawah PR1MA antara 2018 sehingga 2020 menyebabkan pihaknya mengalami masalah aliran modal sehingga menyebabkan projek-projek lain mengalami kelewatan.

“Kita bayar dan selesaikan dengan kontraktor utama sehingga menyebabkan projek yang sedang berjalan terganggu kerana modal tunai digunakan untuk


membayar pampasan. Projek sedia ada juga menghadapi kelewatan,” katanya kepada Wilayahku selepas sesi Townhall bersama Pengerusi PR1MA di Sunway Resort pada Selasa.

Fathul turut menjawab soal kelewatan projek Residensi Brickfields yang sudah 100 peratus terjual.

IKUTI TEMU BUAL MUKA 16



CERITA KEDAI KOPI  
Pusat Kegiatan Islam di Kampung Baru >> 4



Sutan Puasa pengasas sebenar Kuala Lumpur >> 18



Subadron figura legenda bola sepak KL >> 22

# Jangan kurung anak OKU, hantar ke PPDK

**K**EMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menyantuni serta membantu anak-anak istimewa ini melalui pelaksanaan Program Semarak Kasih dalam memastikan kebaikan mereka terjaga.

Seramai 136 pelajar dari empat Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Putrajaya menerima peralatan terapi dan perlengkapan bantuan bernilai RM72,000.

Ia disumbangkan KWP bersama Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menerusi Program Semarak Kasih sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata sumbangan adalah untuk kegunaan kelas praterapi, pravokasional dan fisioterapi.

"Sumbangan ini berupaya meningkatkan potensi latihan anak-anak orang kurang upaya (OKU) PPDK. Inisiatif menyantuni dan membantu anak-anak istimewa ini melalui program Semarak

Kasih bertujuan memastikan kebaikan mereka dalam keadaan baik," katanya.

Menurut Shahidan, KWP menyasarkan anak-anak OKU menerima latihan kemahiran di pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi memastikan kebaikan mereka sentiasa dibela.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, KWP akan memberi perhatian terhadap isu itu supaya golongan terabit tidak ketinggalan dari segi latihan, pendidikan, pemulihan serta integrasi sosial berbanding individu normal.

Menurutnya, terdapat segelintir keluarga yang tidak memahami masalah itu sehingga membiarkan anak-anak OKU terlantar di rumah tanpa mendapat latihan di PDK disediakan di sebuah komuniti.

"Saya berharap tiada golongan anak-anak OKU yang terpinggir dari mendapat latihan. Sekiranya ada, boleh menyalurkan maklumat kepada KWP.

"KWP mempunyai jentera ba-



SHAHIDAN (kanan) menyantuni anak-anak istimewa di PPDK, Putrajaya, Isnin lalu.

gi mengatasi masalah ini termasuk membantu golongan miskin meruskan kehidupan," katanya.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Naib Presiden Kanan Presiden

sama PPj dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) itu, Shahidan turut menyampaikan sumbangan perlatalan terapi berjumlah RM40,000 kepada empat pertubuhan PDK.

## PPDK: ISTIMEWA UNTUK YANG TERISTIMEWA DI MUKA 12

PPj pula menyumbang baucer membeli belah RM100 kepada setiap pelajar manakala YWP menyumbang bakul makanan kepada setiap pelajar dan petugas.

Program Semarak Kasih SHWP 2022 bersama pelajar Pemulihan Dalam Komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Dalam pada itu, Shahidan berkata di Wilayah Persekutuan turut memberi fokus dalam membasi dada.

"Usaha membasi dada ini sudah ada di dalam program dan akan diumumkan suatu masa nanti. Ianya usaha berterusan kerana kita semua tahu dada akan memberi impak yang dahsyat kepada masyarakat," tambahnya. **WK**

## Guru bangga projek murid OKU jana pendapatan tambahan

SABRINA SABRE

**WALAUPUN** mempunyai kekurangan dari segi fizikal, namun ia bukan penghalang pelajar Kurang Upaya Pelbagai (KUP) Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Setapak, Kuala Lumpur (SMPKKS), menjana pendapatan sampingan melalui Projek Kraf Manik.

Mendidik anak-anak syurga tidak semudah yang disangka, tetapi penat lelah guru SMPKKS, **Nurul Nadia Hairuddin**, 27, membuat hasil apabila menerima banyak tempahan daripada pihak luar selepas akhbar Wilayahku dan beberapa akhbar lain membuat hebatan mengenai Projek Kraf Manik yang diusahakan oleh pelajarnya.

"Alhamdulillah, selepas

hebahan tersebut, kami ada membuat proposal untuk dihantar kepada beberapa syarikat luar terutamanya dari segi bantuan bekalan makanan dan dengan adanya hebahan tersebut, mereka berasa lebih yakin untuk menyumbang kepada KWP.

"Sekolah kami bukan sahaja menerima tempahan kraf manik yang banyak, malah kelas KUP turut menerima sumbangan makanan daripada beberapa syarikat seperti Muiz Chicken Setapak dan US Pizza Setapak bersempena Majlis Jamuan Akhir Tahun Kelas KUP Tahun 2021.

"Selain makanan, sumbangan dari segi kewangan dan barang keperluan yang berkaitan dengan kraf tangan seperti paper bag dan banyak lagi turut diterima.

Menurut Nurul Nadia, ibu bapa kepada pelajarnya sangat terharu kerana usaha anak mereka mendapat perhatian daripada orang luar terutamanya apabila kewujudan kraf tangan yang dihasilkan oleh anak mereka mula diketahui.

"Buat masa sekarang, kami telah menerima banyak unit tempahan secara pukal dari seluruh negeri dan paling jauh iaitu dari Sabah dan Sarawak. Ada yang meminta kraf manik

seperti tasbih, mask extender dan brooch untuk dijadikan sebagai door gift dan diberikan kepada kawan-kawan," katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Tambahnya, Projek Kraf Manik itu turut mendapat perhatian daripada golongan berpengaruh dan selebriti popular seperti Afdlin Shauki, dai-dai, pencetus ummah dan Khalifah Band yang bertindak menyiarkan semula berkenaan projek tersebut ke dalam media sosialnya.

"Buat mereka di luar sana yang ingin membeli produk kraf manik, kami ada membuat penambahan jualan iaitu rantai manik, penambahbaikan brooch manik yang lebih kecil, keychain dan tasbih digital yang ditambah dengan manik.

"Keistimewaan yang terletak kepada keychain itu sangat bermakna buat mereka yang ingin mengenali dan membaca huruf serta nombor braille. Selain membeli, mereka juga boleh belajar cara bagaimana untuk mengenali tulisan braille.

"Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada semua kerana pada akhirnya usaha pelajar SMPKKS mendapat perhatian daripada orang luar dan dengan sokongan melalui pembelian daripada pelanggan ini diharap dapat meningkatkan lagi kemahiran, harapan serta semangat kepada pelajar kelas KUP selepas mereka tamat persekolahan," ujarnya.

Terdahulu, Wilayahku



NURUL Nadia bersama kraf manik yang dihasilkan oleh pelajar kelas KUP.

telah menyiarkan artikel berkenaan 'Projek Kraf Manik bantu jana pendapatan 13 pelajar KUP' dalam edisi 148. **WK**



KERATAN akhbar Wilayahku edisi 148.



# Liputan lebih baik, jalur lebar lebih laju

**W**ARGA Wilayah Persekutuan akan menikmati penambahan liputan dan tahap kelajuan jalur lebar tidak lama lagi.

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Rosida Jaafar** berkata sehingga kini status projek Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Wilayah Persekutuan di mana bagi fasa pertama untuk tempoh 2020-2022 sebanyak 246 struktur baharu akan dibina di Kuala Lumpur, 33 di Putrajaya dan lima struktur pula di Labuan.

"Selain itu 2,292 struktur sedia ada di Kuala Lumpur, 163 di Putrajaya dan 86 di Labuan juga akan dinaik taraf dan proses penaiktarafan telah

pun siap sepenuhnya pada Disember 2021, ujarnya selepas menerima kunjungan hormat Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) Wilayah Persekutuan Alyas Roy Amir.

Antara perkara yang diperbincangkan adalah membabitkan isu berkaitan perkembangan industri telekomunikasi terutama sekali ketika negara menghadapi pandemik COVID-19.

Sementara itu, Alyas Roy berkata, kunjungan hormat yang dilakukan pihaknya adalah sebagai usaha MCMC Wilayah Persekutuan untuk menjalin kerjasama strategik antara kementerian-kementerian di Wilayah Persekutuan.

"Kita mahu bertukar pandangan dan input berkaitan

isu-isu pembangunan telekomunikasi bagi mencapai sasarannya 100 peratus liputan di seluruh kawasan di Wilayah Persekutuan yang merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan," ujarnya.

Turut serta dalam kunjungan hormat tersebut adalah wakil daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, Setiausaha Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal Wan Ashbi@W Maheran Leman Timbalan Setiausaha Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal (Seksyen Perbandaran) Dr Khairul Nizam Othman dan wakil daripada MCMC, Timbalan Pengarah MCMC Ts Katirawaan Rajadran, dan Penolong Pengarah MCMC Mohd Hazrin Khan Mohd Ibrahim Khan. **WK**



ROSIDA (tiga kanan) bergambar bersama Pengarah MCMC WP, Alyas Roy Amir (tiga kiri) selepas sesi kunjungan hormat di pejabatnya baru-baru ini.

## 'Pangkalan' baharu tingkatkan tanggungjawab penguatkuasaan DBKL

**PANGKALAN** baharu yang dikenali Menara Penguatkuasa yang terletak di Bandar Tun Razak bakal meningkatkan lagi tugas dan peranan kira-kira 1,700 pegawai dan anggota penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menteri Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pihaknya berharap premis baharu itu akan menjadi pemangkin kepada pegawai dan anggota penguat kuasa dalam meningkatkan usaha menjaga bandar raya ini dengan lebih baik.

"Pegawai penguat kuasa memainkan peranan penting dalam merealisasikan harapan dan aspirasi warga kota dan menjadi simbol kejayaan DBKL dalam membentuk penguat kuasa bandar," katanya selepas merasmikan menara itu dan melancarkan Pelan Penguatkuasaan Strategik DBKL 2022-2026.

"Serentak dengan pelancaran bangunan 15 tingkat, Pelan Penguatkuasaan Strategik DBKL 2022-2026 turut dilancarkan bagi mewujudkan terma dan garis panduan kepada jabatan serta pihak berkepentingan dalam merancang dan memastikan pembangunan Kuala Lumpur terus berkembang selaras dengan pemantauan holistik dan penguatkuasaan."

"Ini secara tidak langsung akan membuka ruang dan peluang kepada pelabur untuk melabur di Kuala Lumpur dan pada masa sama memantapkan lagi ekonomi negara," katanya ketika berucap merasmikan bangunan baharu itu, di sini yang membabitkan kos kira-kira RM149 juta.

Sejarah Jabatan Penguatkuasaan bermula pada tahun 1969 apabila 48 bekas



SHAHIDAN (dua kiri) menerima dokumen Pelan Penguatkuasaan Strategik DBKL 2022-2026 ketika perasmian Menara Penguatkuasa di Bandar Tun Razak pada Selasa.

anggota polis dan tentera telah diambil bekerja.

Mereka kemudian dikenali sebagai 'skuad perobohan' kerana salah satu tugas mereka adalah merobokkan penempatan haram atau setinggan.

### MENARA PENGUATKUASA ASPIRASI KEHEBATAN DBKL MUKA 13L

Dalam sidang medianya, Shahidan memberi amaran bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap penjaja yang didapati menjual lesen mereka untuk beroperasi di bazar Ramadan.

"Kami telah menerima maklumat mengenai aktiviti haram ini berlaku, tindakan akan diambil bagi menangani perkara itu," katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah mengumumkan bahawa DBKL telah mengutip RM61 juta setakat 31 Dis 2021, daripada pembayaran kompaun trafik

yang dikeluarkan antara 2017 dan 2020.

Hanya 1.3 juta kompaun trafik telah dibayar daripada 11.3 juta notis yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama.

Mahadi berkata 108,000 notis tidak dibayar telah dibawa ke mahkamah, menyebabkan 4,900 pemandu kenderaan disenaraihitamkan oleh Jabatan Pengangkutan Awam.

DBKL menjalankan kempen diskau sehingga 30 Jun untuk menggalakkan pesalah trafik menyelesaikan kompaun mereka.

"Tawaran ini terpakai untuk kesalahan am dan bukannya notis yang telah disenaraihitamkan," katanya.

Pada majlis itu, Shahidan turut mengumumkan pakaian seragam baharu (untuk jabatan) serta pangkat jabatan yang berkuat kuasa pada Selasa melibatkan 1,425 pegawai dan anggota. **WK**

## KWP tidak kompromi peniaga salah guna lesen perniagaan

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan (KWP) tidak akan berkompromi dengan peniaga di Pasar Harian Selayang (PHS), Pasar Borong Kuala Lumpur serta mana-mana kawasan yang menyewakan lesen premis perniagaan mereka kepada warga asing.

Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata tindakan penguatkuasaan boleh diambil dengan menamatkan serta-merta lesen premis perniagaan mereka dan disenaraihitamkan daripada memohon lesen perniagaan baharu.

"Saya sendiri dapat beberapa laporan berkaitan penglibatan warga asing yang tidak mempunyai permit kembali berleluasa berniaga di sekitar Kuala Lumpur terutamanya di PHS.

"Saya sudah meminta Jabatan

Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk melihat secara terperinci perkara ini dan tindakan akan dilakukan serta-merta," katanya ketika ditemui pemberita selepas Program Sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Beliau memberitahu turut mendapat beberapa laporan berkaitan dengan penglibatan warga asing yang tidak mempunyai permit kembali berleluasa di sekitar Kuala Lumpur terutama di kawasan Pasar Harian Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

"Ada juga laporan yang saya dapati bahawa warga asing ini menjalankan perniagaan-perniagaan dengan mengambil alih perniagaan daripada pemilik lesen.

"Kedua-dua pendekatan yang berlaku sekarang adalah merupakan satu kesalahan di bawah akta Undang-undang Kecil Pelesenan Perniagaan dan saya sudah minima permudahkan tindakan itu nanti," katanya. **WK**

DBKL untuk melihat secara terperinci perkara ini dan tindakan perlu dilakukan serta merta," katanya.

Tegasnya, beliau telah mengingatkan kepada semua pihak yang terlibat terutama peniaga asing dan warga tempatan yang menyewakan lesen untuk menghormati undang-undang negara ini bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil.

"Saya sudah ingatkan berkali-kali kepada peniaga tempatan, pihak DBKL telah diarahkan untuk menjalankan tugas dengan mesra kepada peniaga-peniaga tempatan yang baharu. Kepada mereka berminat atau berhajat menjalankan perniagaan bagi mengharungi tekanan atau kekangan ekonomi, maka DBKL akan mempermudahkan pengeluaran lesen.

"Tetapi apabila kita mendapati mereka menjual atau menyewakan lesen kepada pendatang tanpa izin, selain tindakan untuk menyenaraihitamkan mereka, lesen itu akan ditamatkan serta merta dan sekiranya tindakan dan tangkapan dilakukan ia bermakna tiada lagi jalan perbincangan dan sebagainya," katanya.

Ujarnya, pihak DBKL akan menjalankan penguatkuasaan di atas bidang kuasanya yang diperuntukkan di samping itu kolaborasi dengan agensi berkaitan akan dilakukan bagi mengekang perkara tersebut.

"Tindakan penguatkuasaan dan juga serbuan dan sebagainya akan dilakukan secara kolaborasi dengan agensi dan jabatan yang lain.

"Ia akan melibatkan Jabatan Imigresen (JIM), Bomba, Polis dan Kementerian Kesihatan (KKM) dan agensi berkaitan untuk mempermudahkan tindakan itu nanti," katanya. **WK**

# DBKL tawar kadar khas kompaun trafik

**O**RANG ramai yang mempunyai kompaun trafik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) boleh menikmati inisiatif kadar khas sempena dua sambutan berkembar iaitu Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Jubli Emas 50 Tahun Bandar Raya Kuala Lumpur.

Kadar Khas Notis Kompaun 2022 bermula 16 Februari hingga 30 Jun depan, sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Jubli Emas 50 Tahun Bandar Raya Kuala Lumpur.

Pemberian kadar khas itu membabitkan notis kompaun trafik yang belum dijelaskan dan kadar berjadual mengikut kesalahan bagi notis kompaun kesalahan am.

Bagaimanapun, inisiatif kadar khas itu tidak terpakai bagi kesalahan yang disenaraikan hitam dan kesalahan kes am yang tiada dalam kadar berjadual.

Orang ramai boleh menikmati kadar khas ini dengan membuat semakan dan bayaran menerusi semua kaunter bayaran DBKL serta kaunter Pos Malaysia di seluruh negara.

Selain itu, semakan dan bayaran juga boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi MOBIS-DBKL atau secara JomPAY menerusi aplikasi perbankan. **WK**



# DBKL, NGO gotong-royong bersih Sungai Kayu Ara

**360** kilogram sampah dikutip selama dua hari di Sungai Kayu Ara berhampiran Kampung Sungai Penchala Kuala Lumpur baru-baru ini.

Aktiviti pembersihan sungai itu dilaksanakan secara gotong-royong bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama rakan kongsi Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL) iaitu Fuze Ecoteer serta 12 sukarelawan dari Universiti Sunway.

Manakala SW Corp dan Alam Flora yang telah membantu mengutip sampah yang telah dikumpulkan.

Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan DBKL, Nor Hashida Harun menyeru warga kota Kuala Lumpur untuk lebih prihatin akan kebersihan sungai dan alam sekitar supaya iaanya dapat dinikmati oleh kita sendiri dan generasi akan datang. **WK**



DBKL bersama rakan kongsi LA21KL melakukan gotong-royong membersihkan Sungai Kayu Ara.



PEMBERSIHAN selama dua hari itu berjaya mengumpul sebanyak 360 kilogram sampah.

## CERITA KEDAI KOPI

### Kampung Baru Pusat Islam

DI sebalik kemelut pembangunan Kampung Baru yang sehingga kini masih nampak suram dan belum ada jalan penyelesaian muktamad, perkampungan Melayu di tengah bandar raya Kuala Lumpur itu bakal muncul sebagai Pusat Kegiatan Islam (PKI).

Perkara ini bakal menjadi kenyataan jika cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) diterima untuk dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, cadangan ini disuarakan oleh Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada majlis bacaan Yassin dan doa selamat sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan di Masjid Kampung Baru baru-baru ini.

Shahidan dalam responsnya menyambut baik cadangan tersebut memandangkan Kampung Baru mempunyai kemudahan yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan itu. Suasana di perkampungan Melayu itu memang kondusif untuk merealisasikan cadangan tersebut.

Misalkan Masjid Kampung Baru yang telah berdekad-dekad berdiri dan telah diubah suai begitu cantik, menjadi lambang syiar Islam yang menjadi kebanggaan penduduk. Pelbagai aktiviti keagamaan dijalankan oleh ahli jawatankuasa masjid ini.

Kerana itu Mohd Ajib mencadangkan masjid ini menjadi Pusat

Kegiatan Islam. Ini memandangkan jawatankuasa masjid sangat aktif mengajurkan program pengajian dan kebajikan untuk ahli kariah Kampung Baru.

Juga jangan lupa bubur lambuk masjid Kampung Baru yang terkenal dan sentiasa ditunggu oleh umat Islam pada bulan Ramadan, bukan sahaja penduduk Kampung Baru tetapi juga warga kota dari pelbagai penjuru bandar raya.

Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri beranggapan cadangan mewujudkan Pusat Kegiatan Islam di Kampung Baru ini sebagai positif dan bersesuaian memandangkan kedudukan Kampung Baru yang unik sebagai pusat penempatan orang Melayu di ibu kota.

Sehubungan itu kawan-kawan Kedai Kopi menyokong masjid Kampung Baru dijadikan pusat kegiatan Islam memandangkan ia adalah masjid yang dianggap lagenda dan sinonim dengan Kampung Baru. Begitu popularnya masjid ini sehingga menjadi tumpuan orang ramai yang berkunjung ke Kuala Lumpur dan merasai solat di dalamnya.

Di Kampung Baru juga ada Hospital Pakar Al-Islam yang diasas dan ditubuhkan oleh doktor-doktor pakar Melayu. Hospital ini yang terletak bersebelahan dengan masjid Kampung Baru memang terkenal di ibu negara.

Sejak penubuhannya ia menjadi pusat perubatan dan perkhidmatan pakar yang menjadi tumpuan bukan sahaja bagi yang beragama Islam tetapi bangsa lain, termasuk dari luar negara. Memang bersesuaian kedudukan hospital ini seandainya Kampung Baru diketraf sebagai Pusat Kegiatan Islam.

Seperti yang dinyatakan oleh Shahidan, di Kampung Baru juga ada Hotel Tamu milik orang Melayu. Selain itu menurutnya, pusat makanan Melayu Islam juga akan dibangunkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), terutama di kawasan kedai makan. Pastinya ia akan menjadi satu tarikan ramai kelak.

Projek pembangunan Kampung Baru masih jauh perjalannannya. Jika menjadi kenyataan pun akan mengambil masa

lama untuk mengubah wajah kawasan tersebut agar duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan kawasan sekelilingnya yang pesat membangun dengan pelbagai mercu tanda pencakar langit.

Kerana itu pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, pengiktirafan sebagai Pusat Kegiatan Islam akan dapat mengangkat martabat Kampung Baru sebagai pusat perkembangan Islam dengan pelaksanaan program berbentuk kemanusiaan atau insani serta program kemasyarakatan lain.

Dengan pelaksanaan program-program seperti ini sepanjang masa akan dapat menyemarakkan syiar Islam dan pada masa sama dapat menambah erat hubungan silatulrahim dan kekeluargaan sesama penduduk.

Dalam pada itu kawan-kawan Kedai Kopi sangat berharap pembangunan Kampung Baru yang belum menjadi kenyataan walaupun sudah dirancang sejak beberapa dekad lalu, akan dapat segera dilaksanakan.

Pembangunan berskala besar ini memerlukan kerjasama penduduk, misalnya berhubung isu tanah dan pampasan. Selama ini isu tersebut begitu rumit untuk dirungkai sehingga menjadi penghalang besar ke arah pembangunan. Tanpa penyelesaian, kerajaan tidak dapat mengorak langkah memulakan pembangunan.

Adalah diharapkan wujud suasana memberi dan menerima serta konsep menang-menang antara pemaju dan penduduk. Jangan dibiarkan kekusutan berterusan dan segala harapan tinggal sebagai impian.

Sudah terlalu lama Kampung Baru dahagakan pembangunan. Ia memerlukan transformasi agar setaraf dengan persekitaran. Keperluan ini lebih mendesak jika Kampung Baru menjadi Pusat Kegiatan Islam.

Tentu sahaja penduduk Kampung Baru akan bangga jika kawasan kediamaan mereka menjadi pusat Islam serba moden, bukan perkampungan uzur dan tidak tersusun. Rakyat Malaysia keseluruhannya akan tumpang bangga.

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Rosnidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer@gmail.com](mailto:deelanjer@gmail.com)

#### Sabrina Sabre

[sabrinawilayahku@gmail.com](mailto:sabrinawilayahku@gmail.com)  
Hazirah Halim  
[hazirahwilayahku@gmail.com](mailto:hazirahwilayahku@gmail.com)

Diana Amir  
[dianawilayahku@gmail.com](mailto:dianawilayahku@gmail.com)

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)  
Mohd Affandy Annur  
[affandywilayahku@gmail.com](mailto:affandywilayahku@gmail.com)

#### Fauzi Taib

[adhamfauzi05@gmail.com](mailto:adhamfauzi05@gmail.com)

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
[aminwktv@gmail.com](mailto:aminwktv@gmail.com)  
Nooreeza Hashim  
[nooreezahashimwilayahku@gmail.com](mailto:nooreezahashimwilayahku@gmail.com)  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
[syuqqreewilayahku@gmail.com](mailto:syuqqreewilayahku@gmail.com)

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatihah@yayasanwp.org.my](mailto:fatihah@yayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nhmm8686@gmail.com](mailto:nhmm8686@gmail.com)

#### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
[roslee@yayasanwp.org.my](mailto:roslee@yayasanwp.org.my)

PERTANDINGAN  
**FOTOGRAFI**  
 PELANCONGAN  
 PUTRAJAYA  
 2022



Bermula

**15 FEB-  
 15 APR.  
 '22**

## Tema

- PRODUK BAHRU PELANCONGAN PUTRAJAYA (GLAMPING, TANGGA PUTRAJAYA, SANDY BEACH) & TARIKAN ALAM SEMULA JADI
- SENIBINA DI PUTRAJAYA (BANGUNAN, JAMBATAN, MONUMEN, DATARAN & TERMASUK PENCAHAYAAN MALAM)

## HADIAH PERTANDINGAN

MENGIKUT TEMAH

JUARA	1 X RM4,000
N. JUARA	1 X RM2,000
KETIGA	1 X RM1,000
SAGUHATI	5 X RM200

HADIAH KESELURUHAN

**RM 20,000**

TERMASUK HADIAH IRRIGASI

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi :

SEKRETARIAT PERTANDINGAN  
**FOTOGRAFI PELANCONGAN PUTRAJAYA**,  
 Unit Pelancongan, Bahagian Komunikasi  
 Korporat, B7, Kompleks PPj.  
 Tel : +603 8887 7583  
 Email : dalilah@ppj.gov.my  
 Tel: +6011 2082 1960 (En. Hatta)-NEST  
 Email: ptpc2022@gmail.com

## HADIAH PERTANDINGAN

## SILA LAYARI :

website : [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)  
 facebook : [perbadananputrajaya](#)  
           : [putrajayatourismphotocontest](#)  
 instagram: [perbadananputrajaya](#)  
           : @ptpc2022

PENYERTAAN  
 ADALAH **PERCUMA**



+603 8887 7583



ptpc2022@gmail.com

[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)

[perbadananputrajaya](#)  
[putrajayatourismphotocontest](#)



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**M**ENJADI reporter (pemberita) di bandar raya metropolitan seperti Kuala Lumpur suatu pengalaman yang sangat bernalih.

Karakter Kuala Lumpur yang menjadi pusat perdagangan dan tumpuan perantau dari seluruh negara memberikan cabaran kepada seseorang reporter terutamanya yang baharu.

Kuala Lumpur adalah latar kerjaya saya sebagai reporter. Kuala Lumpur yang bergerak pantas dan tidak pernah tidur itu memberikan cabaran untuk saya dan reporter lainnya bergerak selari. Kuala Lumpur bukan Alor Setar yang pernah menjadi medan kerjaya saya sebagai reporter sambilan (*stringer*) pada 1983.

Cabarannya bekerja di Alor Setar jauh lebih kecil berbanding Kuala Lumpur. Malah banyak pula tugas (*assignment*) yang membuatkan pagi dan petang kena keluar membuat liputan.

Kesesakan di Kuala Lumpur pula membuatkan banyak masa dihabiskan dalam bas mini. Maka bas mini saya sudah menulis draf berita di dalam buku nota.

Apakah bezanya reporter dengan wartawan? Kepada umum kedua-dua bidang tugas ini hanya dipisahkan oleh garis yang nipis. Sebenarnya besar juga perbezaannya. Reporter lebih pada tugas melaporkan, wartawan pula melampaui laporan.

Wartawan menulis analisis, membuat penyelidikan dan karyanya lebih berupa lontaran pemikiran. Tahapnya jauh lebih tinggi.


Waktu itu tahun 1984, saya dan kawan-kawan yang baru mengenali dunia kewartawanan ini belum layak dipanggil wartawan. Sebaliknya lebih pada tukang lapor dan istilah ‘reporter’ itu sendiri daripada kata asasnya ‘report’. Semua wartawan pernah menjadi reporter, tetapi tidak semua reporter menjadi wartawan.

Bandar raya paling sibuk dan besar di negara ini bukan calang-calang kepada yang memilih kerjaya sebagai reporter.

Tetapi di sebaliknya banyak pengalaman yang bernalih untuk membangunkan diri dalam kewartawanan. Pengalaman sedemikian mungkin tidak akan diperoleh sekiranya saya bekerja di bandar-bandar atau ibu negeri lain yang lebih kecil.

Besar atau kecil saiz bandar yang menjadi medan pada kerjaya sebagai reporter itu sangat mempengaruhi cara bekerja, berfikir dan bertindak.

# Menjadi reporter di Kuala Lumpur



KU Seman di pejabat editorial Utusan Melayu tahun 1984.

Pengalaman bekerja di Alor Setar membolehkan saya melihat Kuala Lumpur sebagai faktor pendiri kerjaya saya dalam kewartawanan.

Memang benar latar sosial dan fizikal Kuala Lumpur sangat liar, kurang berperikemanusiaan malah sangat materialistik. Tetapi masa yang sama itulah yang membina jalur berfikir sebagai reporter.

Kedua-dua persekitaran yang sangat menekan itu memberikan kelebihan untuk menguji ketahanan dalam kerjaya. Ini kerana keadaan yang bersenang-senang tidak ada dalam kamus seorang reporter.

Cabarannya yang menggigit itu sebenarnya satu keseronokan. Saya dan rakan-rakan reporter menyelami makna keseronokan menjalani kehidupan yang sentiasa dikejar peristiwa.

Malah peristiwa itulah kehidupan kami dan setiap yang berlaku perlu dijawab kepada pembaca dalam laporan berita yang ditulis.

Peredaran masa di Kuala Lumpur pula seperti bergerak pantas kerana tuntutan kerjaya yang sentiasa diburu masa akhir (*deadline*).

Walaupun mesti bekerja dengan pantas, tetapi ketepatan fakta sama sekali tidak dikompromi. Cepat dan tepat sudah menjadi slogan tidak rasmi bagi reporter.

Tidak ada reporter pada dekad 1980-an yang boleh singgah di gerai untuk makan tengah hari sebelum menyiapkan berita dan memberikan kepada editor. Tidak ada. Setiap detik dikehjahan (*dateline*) (sekitar pukul 6 petang) kerana semua proses penyuntingan dan reka letak mesti diselesaikan sebelum pukul 6 petang.

Besar atau kecil saiz bandar yang menjadi medan pada kerjaya sebagai reporter itu sangat mempengaruhi cara bekerja, berfikir dan bertindak.

**“ Apakah bezanya reporter (pemberita) dengan wartawan?**

**Kepada umum kedua-dua bidang tugas ini hanya dipisahkan oleh garis yang nipis. Sebenarnya besar juga perbezaannya. Reporter lebih pada tugas melaporkan, wartawan pula melampaui laporan.**

membuat liputan mesyuarat biro disiplin yang dipengerusikan oleh Ketua Pemuda UMNO, Anwar Ibrahim.

Ketika itu Anwar menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan. Mesyuarat bermula pukul 9 malam di ibu pejabat UMNO tidak jauh dengan Chow Kit.

Pukul 8 malam saya sudah ‘terpacak’ di situ. Pergi awal adalah untuk mengelak daripada menjadi mangsa *scoop reporter* lain. Mana tahu kalau ada reporter lain yang berjaya mendapatkan kenyataan Anwar sebelum mesyuarat. Kalau ini berlaku, masalah dibelasah oleh editor.

Reporter bukan sahaja cepat mahir dengan lorong dan jalan pintas untuk ke suatu tempat, tetapi menghayati pergulatan sosial dengan mata zahir dan mata fikir. Semua yang berlaku dilihat dengan persoalan.

Kenapa begitu atau kenapa begini adalah persoalan biasa dalam kalangan reporter.

Memang benar sifat ini ada kalanya membosankan, tetapi itulah yang diperlukan oleh seorang reporter. Sudut pandangan reporter mesti jauh lebih tajam dan dalam berbanding orang biasa.

Saya dan rakan-rakan reporter berlumba-lumba mendapatkan berita *scoop* (yang tidak dapat dilaporkan oleh reporter lain).

Walaupun berkawan rapat, tetapi untuk mendapatkan berita *scoop* kami mempunyai cara-cara tersendiri – antaranya mempunyai hubungan baik dengan pemberi maklumat.

Walaupun begitu kegembiraan mendapat berita *scoop* harus diraikan dengan berpada-pada. Ini kerana pada masa yang lain kita pula menjadi bahan *scoop* oleh reporter lain.

Ketika itu tahulah peritnya ‘dibelasah’ oleh ketua di pejabat. Ketua pula jarang menerima alasan yang membuatkan kita ketinggalan berita yang diperoleh oleh surat khabar saingan.

Saya pernah diarahkan oleh editor Allahyarham Kadir Ahmad

saya menjawab, “Mesyuarat habis pukul 12. Lepas tu baru Anwar bagi sidang akhbar.”

Dari gagang telefon saya terdengar Pak Kadir ketawa besar. “Esok orang tak akan ada merusuh kalau Utusan tak siar berita Anwar. Sudah.. sudah kau pi balik tidur. Aku pun dah nak balik ni. Berita Anwar tu tak besar mana pun.” Saya mendengar Pak Kadir terus ketawa.

Dengan penuh kecewa saya meletak gagang telefon dan memandang ke arah Chow Kit yang tidak pernah ‘tidur’. Perkhidmatan bas mini sudah tamat. Saya tidak ada pilihan terpaksa menumpang teksi yang tambangnya berganda selepas tengah malam.

Tidak lama selepas itu barulah saya tahu arahan itu tidak lebih satu latihan sahaja bagaimana bekerja dalam keadaan yang mendesak. Kalau benar sidang akhbar Anwar ada nilai berita, Pak Kadir tidak akan menghantar reporter yang mentah dan baru setahun jagung membuat liputan.

Ketika itu hanya saya yang perasan hebat dapat membuat liputan sidang akhbar Anwar Ibrahim.



## BERHEMAT DI KOTA INI

Kota indah dalam warna-warna zaman tangan-tangan seperti berlari mengejar tuntas perjuangan di sebalik kelir alam ada pura-pura menjadi badut dengan topeng-topeng hipokrasi menyambar dalam terang hari.

Sewaktu berjalan mencitra waktu di dada lorong dan perut kota waspada pada helang sesat yang memerhati dari hujung tiang matanya sengaja dipejam.

Yang menyambar barangkali tanpa hati akalnya dimusnahkan peribadi kerana memilih jalan mati setelah usaha ditolaknya ke tepi sebuah kembara yang bermula dengan putus asa di rumah nafsu yang berdusta.

Indahnya kota siang dengan keringat putih dan malam dilukis oleh rindu bergeraklah dengan teliti awas, mungkin ada yang memerhati untuk dikhianati; Berhati-Hati!

**Solihin Osman**  
*Dangau Seni, Kangar*

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Kuala Lumpur di tangga 210 paling sesak

**M**ENGHARUNGI kesesakan lalu lintas dengan kenderaan ‘sangkut’ di setiap penjuru jaluan di Kuala Lumpur adalah rutin harian yang terpaksa dihadapi oleh warga kota dalam perjalanan pergi balik kerja atau urusan lain.

Namun kerana ini adalah situasi yang dihadapi dan ditempuh setiap hari, ia sudah menjadi kebiasaan dan ciri kehidupan warga kota dalam persekitaran ibu negara yang makin sesak dan padat dengan manusia dan kenderaan. Pendek kata ‘alah bisa tegal biasa’.

Keluasan ibu kota tidak bertambah tetapi pembangunan tiada henti. Saban tahun penduduk bertambah, bukan sahaja pertambahan isi keluarga warga kota sedia ada tetapi juga yang datang dari negeri lain untuk mencari rezeki. Ini kerana Kuala Lumpur ialah pusat ekonomi yang menjadi daya penarik untuk orang luar datang mencuba nasib.

Kerana itu Adi tidak hairan jika masalah kesesakan di ibu negara terus membebani warga kota. Bukan tidak ada usaha dilakukan mengatasi masalah ini seperti melebarkan jalan, membina jalan bertingkat dan sebagainya.

Namun pembangunan pesat, pertambahan penduduk serta jumlah kenderaan di jalan lebih pantas daripada segala usaha mengatasi kesesakan. Kerana itu masalah sukar dibendung sepenuhnya.

Akan tiba masanya apabila tiada lagi kawasan untuk kerja-kerja pelebaran dan naik taraf jalan. Apabila tiba waktunya, kesesakan di ibu kota bakal menuju ke tahap yang lebih meruncing. Muah tidak muah ini terpaksa dihadapi oleh warga kota.

Mujur kerajaan memandang jauh ke hadapan dalam usaha mengurangkan kesesakan dan kepadatan ibu negara dengan memindahkan pusat pentadbiran dari Kuala Lumpur ke Putrajaya pada 1999.

Andai kata ini tidak dilakukan, Adi percaya bertambah teruk kesesakan di ibu negara pada masa ini.

Sebagai sebuah bandar raya yang menjadi ibu negara dan pusat ekonomi, memang sukar mengelakkan ibu kota menjadi sesak. Keadaan ini juga berlaku di banyak bandar raya besar di dunia.

Menurut laporan indeks trafik hasil kajian sebuah firma teknologi navigasi antarabangsa, TomTom, yang berpusat di Amsterdam, Belanda, kadar aliran trafik di Kuala Lumpur tahun lalu (2021) berada pada kedudukan ke 210 paling sesak di dunia. Laporan tersebut diumumkan baru-baru ini.



INDEKS kesesakan Kuala Lumpur menunjukkan kemajuan berbanding tahun 2019 dan 2020. Sebagai pembandingan Manila di tangga ke-18 dan Jakarta di tangga ke-46.

Kajian berkenaan dijalankan di 404 bandar raya merangkumi 58 buah negara di enam benua bertujuan mengukur tahap kesesakan jalan raya bandar. Ia juga memberi fokus kepada jumlah kerugian masa dalam setahun akibat kesesakan tersebut.

Menurut indeks tahunan tersebut, Adi difahamkan para pemandu kenderaan di Kuala Lumpur membuat masa bersamaan 48 jam setahun akibat terperangkap dalam kesesakan teruk di pusat bandar.

Kadar ini sama dengan 17 bandar raya lain yang termasuk dalam kajian TomTom. Antaranya Washington DC (Amerika), Prato (Itali), Liege (Belgium), Santa Cruz (Sepanyol), Rotterdam (Belanda) dan Freiburg (Jerman).

Namun dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, indeks trafik di ibu negara bertambah baik.

Rekod tahun 2020 menunjukkan Kuala Lumpur berada pada kedudukan ke-77 paling sesak atau kerugian masa

126 jam. Pada 2019 ia berada pada kedudukan ke-46 atau kerugian masa 170 jam.

Berdasarkan indeks TomTom 2021 itu, bandar raya yang mencatat kesesakan paling teruk atau berada pada kedudukan pertama ialah Istanbul, Turki. Warga kota tersebut membazir masa bersamaan 142 sejam setahun.

Setahun sebelum itu (2020) Istanbul berada pada kedudukan kelima dengan Moscow, Rusia, menjadi juara. Tahun lepas Moscow turun ke tangga kedua.

Namun bagi Adi, aspek yang paling menarik ialah indeks kesesakan di Kuala Lumpur menunjukkan kemajuan berbanding tahun 2019 dan 2020.

Ia berjaya memperbaiki kedudukan berbanding bandar raya lain di Asia Tenggara seperti Manila di tangga ke-18 dan Jakarta di tangga ke-46.

Malah berdasarkan laporan tersebut, kesesakan semakin kurang dibandingkan dengan Bangkok di tangga ke-74 dan Singapura di tangga ke-88.

## SKETSA



‘Adi sedar tidak mungkin dapat dihindarkan kesesakan di ibu kota secara total kerana ibu kota sentiasa hidup dan sentiasa aktif. Namun usaha perlu dibuat bagi memastikan kesesakan itu berada di tahap minimum.’

Di peringkat Asia, Kuala Lumpur juga lebih baik daripada Mumbai, India (kelima); Tokyo, Jepun (ke-17), Taipei, Taiwan (ke-40), Hong Kong (ke-47) dan Riyad, Arab Saudi pada tangga ke-126.

Dibandingkan dengan Eropah, kesesakan di Kuala Lumpur juga lebih baik berbanding kota besar lain seperti Paris, Perancis (ke-37), Kaherah, Mesir (ke-41) dan London pada tangga ke-55.

Namun begitu, ibu negara lebih sesak dibandingkan dengan Copenhagen, Denmark di tangga ke-233, Dubai, Emiriah Arab Bersatu (ke-244); Canberra, Australia (ke-298) dan Helsinki, Finland di tangga ke-322.

Adi percaya, pengurangan kadar kesesakan di ibu negara banyak dibantu oleh usaha berterusan kerajaan untuk melancarkan pergerakan lalu lintas. Jalan-jalan dilebar dan dinaik taraf sepanjang masa, di samping pembinaan jalan bertingkat.

Selain itu sistem kawalan lalu lintas melalui Kuala Lumpur Command and Control Centre juga membantu. Melalui pusat kawalan ini, pergerakan lalu lintas dapat dipantau dan tindakan segera dapat diambil jika berlaku kesesakan di mana-mana jalan.

Antaranya dengan menghantar polis trafik atau trafik warden Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membantu mengawal lalu lintas, atau menyurakan lalu lintas ke jalan alternatif yang kurang sesak.

Namun satu lagi aspek yang Adi rasa membantu menurunkan indeks kesesakan ialah kesedaran menggunakan pengangkutan awam yang kian meningkat di kalangan warga kota seperti bas, transit aliran ringan (LRT) dan monorel.

Ini menepati hasrat kerajaan yang mahu warga kota lebih mengutamakan pengangkutan awam agar kesesakan dapat dikurangkan, selain untuk mencapai matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon.

Berbanding dengan bas yang sering terbelenggu dengan masalah ketepatan waktu kerana sangkut dalam kesesakan, LRT dan monorel lebih menjadi pilihan ramai.

Kerana itu juga rangkaian

perkhidmatan LRT di ibu negara diperluas sehingga bakal sampai ke Putrajaya.

Pada pandangan Adi, jika mahu lebih ramai menggunakan pengangkutan awam, sistem pengangkutan itu perlu ditambah baik. Misalnya bas yang kerap terjebak dalam kesesakan lalu lintas. Perlu difikirkan untuk mewujudkan laluan hanya untuk bas sahaja.

Ini pernah dilakukan dahulu untuk laluan bas Intrakota. Justeru boleh difikir untuk diwujudkan semula. Pergerakan bas akan lebih lancar kerana tidak lagi bersaing dengan kenderaan lain.

Dengan itu ketepatan waktu lebih mudah dicapai. Sekarang ini ramai yang masih keberatan naik bas kerana bimbang lewat sampai ke destinasi.

Bagi LRT dan monorel, kekerapan tren wajar ditambah, terutama pada waktu puncak. Fasiliti di stesen LRT perlu ditambah baik untuk mendorong orang ramai menggunakanannya. Misalnya dengan menyediakan lebih banyak tempat parkir, juga menyediakan perkhidmatan bas feeder.

Adi sedar tidak mungkin dapat dihindarkan kesesakan di ibu kota secara total kerana ibu kota sentiasa hidup dan sentiasa aktif. Namun usaha perlu dibuat bagi memastikan kesesakan itu berada di tahap minimum.

Adi—Teringat dulu naik kapcai

*Adi Taib*

SAJAK

CITRA WILAYAH BERWARNA

Selepas panas bertandang wilayah kembali basah hujan pagi membasuh lantai resah membangunkan keyakinan untuk keluar berjuang menimba rahsia dari kota indah sejernih air yang melintasi lorong perjalanan waktu dan pencarian nawaitu gigih bagi semut-semut biru bukan menjadi kelktu senja yang sering tewas peribadi ditupu bayang-bayang sendiri.

Wilayahku di waktu hujan malam akan menumbuhkan mimpi pelangi sambil mengupas kembali pengalaman dan mengukir kolam kenangan di antara lampu-lampu alam membuka segala sudut iltizam bersama ikrar yang tak pernah padam menyala mewarnai segala kegelapan.

M. Syazwi  
Langkawi

Perbanyakkan program kebajikan di Wilayah Persekutuan

# YWP fokus pembangunan usahawan

DIANA AMIR

**M**EMBUKA lembaran tahun baharu 2022, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mengorak langkah dengan menekankan intipati Program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) yang diperkenalkan pada tahun 2020.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, pihaknya percaya program ini akan memberi perubahan yang besar dalam ekonomi isi rumah lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik COVID-19.

"Kita mengharapkan lebih banyak lagi penyertaan bagi program ini yang mana sepanjang dilaksanakan, kita lihat ia banyak membantu warga Wilayah sekali gus mewujudkan peluang berharga kepada peniaga muda."

"Di peringkat YWP sendiri, kita telah pun memberi beberapa kios untuk disewa dan insya-Allah akan sedia menambah bilangan

bergantung kepada penyertaan di masa akan datang," ujarnya kepada Wilayahku.

Dalam masa yang sama, Zaizalnizam berkata, YWP turut mengemukakan permohonan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mendapatkan tapak berseuaian bagi membantu usahawan-usahawan muda memulakan perniagaan.

Mengulas lanjut tentang aktiviti lain yang telah dirancang pada tahun ini, beliau berkata, YWP akan melaksanakan penyerahan bantuan Pendidikan untuk para pelajar di Wilayah serta memperbaikkan lagi program kebajikan seperti sokongan bencana.

"Pada bulan puasa tahun ini, kita akan menyampaikan beberapa sumbangan kepada masjid dan sekolah sekitar Wilayah Persekutuan yang telah pun kita kenal pasti bagi mengimarahkan bulan yang mulia itu."

"Mengikut perancangan, kita



ZAIZALNIZAM (kiri) beramah mesra dengan peniaga di bawah program UAMK bertempat di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

akan bermula dengan memberi sumbangan kepada pusat-pusat tahfiz dan dalam masa yang sama

akan sentiasa melihat keperluan lain yang diperlukan mereka," ujar beliau sejurus majlis Semarak



## ADUAN

**DBKL**

Tel : 03-2617 9000



**Perbadanan Putrajaya**

Tel : 03-8000 8000

Aduan : 03-8887 3000



**Perbadanan Labuan**

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852



**Wilayahku**

WhatsApp

#: 011-5958 7489

Kasih baru-baru ini.

Terdahulu, YWP menyalurkan sumbangan 70 bakul makanan untuk semua peserta dan petugas di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Wilayah Persekutuan Putrajaya bersempena salah satu program sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022. **WK**

## Sambutan Tahun Baru Cina Kunkwan International disertai pelbagai kaum

**B**ERSEMPENA dengan sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada 1 Februari lalu, Kunkwan International Mandarin Training Centre, Kuala Lumpur menganjurkan acara sambutan yang dihadiri pelbagai kaum dan lapisan masyarakat.

Dirasmikan oleh Ketua Pemuda Kebangsaan MCA, **Datuk Nicole Wong**, sambutan tersebut melambangkan perpaduan semua kaum sealar dengan konsep Keluarga Malaysia yang dilancarkan Oktober lalu.

"Diharapkan sambutan tahun ini akan membawa kesajahteraan kepada semua dan merapatkan lagi hubungan sesama kaum di negara Malaysia yang tercinta," ujar beliau.

Bagi memeriahkan lagi sambutan yang berprestij tersebut, pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan dan mendapat sambutan hangat daripada tetamu antaranya Calligraphy Art, Chinese Paper Cutting, Wishing Tree dan Yoothoo Dance.

Tetamu yang hadir dapat merasai sendiri pengalaman unik bermain sambil mengenali kebudayaan masyarakat Cina secara tidak langsung.

"Objektif utama acara ini diadakan adalah untuk memastikan para tetamu dapat menghayati nilai perpaduan dan memupuk hubungan silaturahim antara kaum serta dapat mempelajari sesuatu yang berasal daripada budaya kaum Cina,"



MENIKMATI hidangan Yee Sang yang dilihat sebagai simbol kemewahan bagi masyarakat Cina.



TETAMU meraih sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

tambah Nicole.

Pada majlis tersebut juga, Kunkwan International Mandarin Training Centre turut menerima anugerah Malaysia Book Of Records atas kejayaan penyertaan pelajar terbesar dalam kursus pembelajaran Bahasa

Mandarin dalam setahun.

Antara selebriti terkenal yang turut hadir memeriahkan majlis tersebut adalah penyanyi popular Layla Sania, Pengurus Kumpulan Youngest Award Winning, Erin Adlina Adnan selain tetamu korporat lain. **WK**



DATIN Seri Shamsiah (Kiri) menerima cenderahati daripada Pusat Aktiviti Warga Emas Parlimen Batu pada Program Warga PPR/PA Sentiasa dihati, rabu lalu.

## Penduduk PPR Taman Wahyu terima pek makanan Rumah Prihatin

**P**ROGRAM Warga PPR/PA Sentiasa Di Hati anjuran Rumah Prihatin@ GrandSeasons diteruskan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) kelima iaitu PPR Taman Wahyu pada 16 Februari (Rabu) lalu.

Isteri kepada Menteri Wilayah Persekutuan, **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** berkata, beliau bersama kakitangan Dapur Prihatin menyediakan makan tengahari untuk diagihkan kepada penduduk Taman Wahyu dan bercadang untuk menyantuni 60 PPR/PA di seluruh Wilayah Persekutuan.

"Alhamdulillah, saya berkesempatan menyediakan makanan buat penduduk dan melihat kawasan sekitar sini seperti aktiviti warga emas, mengunjungi Maahad Tahfiz yang memiliki pelajar seramai 12 orang serta kami juga turut diberikan cenderahati sabun oleh mereka," katanya yang turut menyantuni tiga buah ruang penduduk di situ.

Sementara itu, Ketua Chef Dapur Prihatin Chef Hasnaerdawaty berkata,

pasukannya menyediakan 1,200 pek makan tengahari untuk diagihkan kepada penduduk dan kakitangan yang bertugas.

"Di program itu, saya bawakan menu istimewa iaitu nasi tomato, ayam goreng mamak dan dalca sayur. semua menu tersebut disediakan oleh pasukan saya di Rumah Prihatin sebelum bergerak ke sini," katanya yang berkampung di PPR Taman Wahyu seawal pukul 7.30 pagi.

Selain daripada Rumah Prihatin, pasukannya juga dibantu oleh warga Perlis yang menyediakan makanan pencuci mulut seperti bubur kacang serta penduduk untuk bahagian pembungkusan.

Terdahulu, Program Warga PPR/PA Sentiasa Di Hati cetusan idea daripada isteri Menteri Wilayah Persekutuan ini dilaksanakan pada setiap hari Rabu dan akan meneruskan jelajahnya ke tujuh PPR lain di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

**ronakota**

25 FEBRUARI - 3 MAC 2022 . BIL 155

Wilayah Ku

# Lubuk emas penjaja haram di pusat bandar





PEKERJA warga asing sedang bermain telefon bimbit di dalam sebuah kedai yang dijaga olehnya.



LORONG TAR kini kawasan tumpuan warga asing menjalankan perniagaan.



SALAH seorang pekerja menolak kereta pengangkut barang di kawasan Lorong TAR.

**Rayu pihak berkuasa ambil tindakan pada 'orang dalam'**

# 'Ali Baba' banjiri Jalan TAR



HAZIRAH HALIM

**S**U seawaan tapak perniagaan kepada warga asing sering menjadi perbualan hangat dalam kalangan masyarakat terutama golongan peniaga atau penjaja jalanan. Namun, ia menjadi persoalan kepada segelintir peniaga Lorong Tunku Abdul Rahman (TAR) apabila kawasan tersebut semakin dipenuhi pekerja-pekerja warga asing.

Menggelarkan mereka sebagai 'Ali Baba', perbuatan ini seharusnya diberi perhatian dan dihentikan segera oleh pihak berkuasa terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan mengambil tindakan termasuk menyita barang atau premis dan menamatkan serta-merta lesen perniagaan kepada pemilik kedai yang di dapati menyewakan tapak kepada warga asing. Selain itu, pihak berkuasa juga digesa mengambil tindakan terhadap 'orang dalam' yang memberi ruang kepada golongan ini untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang melanggar undang-undang negara.

Tinjauan *Wilayahku* pada Isnin lalu mendapati, kebanyakan deretan kedai di Jalan TAR ini semakin dipenuhi dengan pekerja warga asing terdiri daripada Indonesia, Myanmar, Bangladesh, India dan banyak lagi. Wartawan juga berpeluang menemu ramah peniaga-peniaga yang turut memberikan pandangan terhadap isu ini.

Pengusaha tudung, **Siti Norbaini Haji Mohd Amin**, 53, yang telah meniaga di Lorong TAR sejak 27 tahun lalu berpendapat kebanyakan warga asing sanggup membayar dengan harga yang tinggi untuk mendapatkan lesen



SITI NORBAINI



MOHD SYAFIQ

perniagaan yang dimiliki warga tempatan semata-mata mahukan lesen dan tapak niaga.

"Ada yang sanggup membayar 'orang kita' untuk mendapatkan lesen. Sebagai contoh, mereka sudah dimaklumkan tidak akan lulus lesen perniagaan jadi warga asing ini menggunakan warga tempatan sebagai 'orang tengah' untuk mendapatkan kelulusan.

"Kebanyakannya juga seolah-olah mempunyai 'kunci' yang memaklumkan kepada mereka bila dan kawasan mana yang akan diserbu oleh pihak penguasa. Jika sudah tahu, mereka tidak akan duduk di dalam kedai sebaliknya beredar keluar," katanya yang meneruskan perniagaan ibu bapanya sejak tahun 1970.

Bagi peniaga air, **Mohd Syafiq Zabidi**, 33, berkata bukan sahaja kawasan ini dibanjiri oleh pekerja atau pemilik kedai warga asing tetapi peniaga-peniaga yang sewenangnya membuka khemah tanpa membayar sewa termasuk memiliki lesen perniagaan.

"Kalau cik (wartawan) datang ke sini pada hari minggu, ramai yang akan membuka khemah berniaga di tepi-tepi jalan tanpa memiliki lesen. Walaupun sudah dihalau atau dihalang pihak berkuasa tetapi mereka tetap melanggar peraturan.

"Ramai peniaga di sini sudah membuat aduan kepada DBKL, tapi ibarat mencurah air ke daun keladi apabila tiada sebarang tindakan diambil sedangkan kami meniaga di sini perlu membayar lesen dan sewa juga. Kalau DBKL tak ambil tindakan, kita diam sahajalah," katanya.

Mohd Syafiq yang juga peserta Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) berkata, beliau tidak memahami mengapa terdapat peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan membuat permohonan lesen atau membayar sewa tapak niaga kepada persatuan penjaja

**DBKL telah mengeluarkan lesen, cuma ada segelintir peniaga-peniaga ini yang enggan memohon lesen dan terus bermula secara haram sedangkan mereka telah diberi peluang untuk mengemukakan permohonan lesen. Bila keadaan berlaku, umpama kami perlu berkongsi 50 peratus rezeki dengan mereka sedangkan kami bersusah payah mencari duit untuk membayar sewa tapak dan memperbaharui lesen.**

namun pada masa sama bertindak menjual atau menyewakan lesen kepada warga asing.

"DBKL telah mengeluarkan lesen, cuma ada segelintir peniaga-peniaga ini yang enggan memohon lesen dan terus bermula secara haram sedangkan mereka telah diberi peluang untuk mengemukakan permohonan lesen. Bila keadaan berlaku, umpama kami perlu berkongsi 50 peratus rezeki dengan

mereka sedangkan kami bersusah payah mencari duit untuk membayar sewa tapak dan memperbaharui lesen.

"Kami (peniaga) tidak kisah sekiranya mereka bermula dengan cara yang betul. Saya harap pihak DBKL mengambil berat terhadap keadaan peniaga-peniaga jalanan atau boleh memberi tapak khusus untuk masyarakat terutamanya golongan muda untuk terlibat dalam perniagaan," katanya. **W K**



KERATAN akbar mengenai peniaga warga asing diburu di kuala lumpur.  
GAMBAR : Harian Metro

# Isu kenaikan harga tiada kesudahan Peniagakekalkan harga jualan di bulan Ramadan

**S**AAT masyarakat masih diduga dengan penularan wabak COVID-19, isu kenaikan harga bahan mentah seperti tiada kesudahan sehingga meresahkan rakyat terutama golongan peniaga sejak akhir tahun 2021.

Rata-rata peniaga sudah lali dengan isu tersebut, namun bagi pelanggan, masih ramai yang beranggapan bahawa peniaga sengaja menaikkan harga jualan demi mengaut keuntungan sendiri.

Menjelaskan perkara tersebut, pengusaha *food truck*, **Mohd Azmi Yunus**, 39, berkata ketidakstabilan ekonomi masa kini telah mendorong kepada peningkatan harga bahan sekali gus menyebabkan kenaikan harga jualan peniaga.

"Situasi sebenarnya adalah apabila harga sesuatu bahan mentah meningkat, peniaga terpaksa menaikkan harga jualan tetapi bukanlah dengan harga yang begitu mahal. Peniaga juga harus bijak menetapkan harga jika mahu pelanggan membeli produk jualan anda."



MOHD AZMI



PUTRI BALKISH

"Dahulu saya menjual burger dengan harga RM2 tetapi bila harga sayur, bawang, roti juga sudah naik, jadi saya pun perlu meningkatkan sedikit nilai jualan supaya ia dapat mengembalikan modal yang telah dikeluarkan serta muhi meraih sedikit keuntungan jualan."

"Ada peniaga yang biasa beli dengan saya bertanya, 'kenapa burger naik harga?' alasan saya sebab kos barang sudah meningkat. Saya ingat mereka akan marah sebaliknya tidak kerana mereka faham dengan keadaan semasa," katanya yang sudah setahun bermiaga di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR).

Tambahnya, pelanggan juga harus memahami situasi peniaga di mana hasil jualan yang diperoleh

bukanlah untuk keuntungan semata-mata, sebaliknya mereka perlu membayar gaji pekerja dan sewa tapak serta menambah keperluan barang jualan.

Sementara itu, peniaga pisang goreng, **Putri Balkish Abdullah**, 33, berkata walaupun harga barang meningkat, beliau dan suami tetap mengekalkan harga yang sama.

"Sejurusnya, saya beranggapan individu yang boleh menghadapi isu ini adalah peniaga sahaja kerana mereka adalah kumpulan yang faham dan berada di dalam situasi kesusahan dan turut terkesan apabila berlaku kenaikan harga barang.

"Kalau peniaga itu orang 'senang' mungkin isu ini biasa bagi mereka tetapi untuk peniaga yang hanya bergantung harap terhadap perniagaan pasti akan terkesan. Ada juga pelanggan mempersoalkan apabila peniaga sudah menjual dengan harga murah, mereka tetap mengatakan barang itu mahal," katanya yang sudah lebih empat bulan bermiaga di bawah Program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK). **WK**



WARTAWAN Wilayahku menemu ramah seorang peniaga Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR).



KETIDAKSTABILAN ekonomi mendorong kepada peningkatan harga bahan mentah dalam kalangan pembekal termasuk peniaga.



DATUK Seri Dr Shahidan Kassim menyampaikan sumbaan kepada seorang pelatih PPDK.



SHAHIDAN turut meluangkan masa melihat pelatih menyediakan kuih karipap di PPDK.



## PPDK: Istimewa untuk yang teristimewa



AMIN FARIJ HASAN

**M**ENYEDIAKAN kelas dan pusat latihan asas dari segi pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian merupakan tujuan utama penubuhan Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK).

Sejak 22 tahun ia

ditubuhkan, PPDK mempunyai lebih kurang 98 pelatih dan 20 petugas yang bertempat di tiga cawangan sekitar Putrajaya antaranya di Presint 14, Presint 9(2) dan Presint 11.

Antara aktiviti yang disediakan adalah Pra Sekolah, Bengkel Vokasional Kemahiran Motor Kasar dan Halus, Pengurusan Diri, Kreativiti dan aktiviti luar kelas seperti permainan dan sukan, rekreasi, aktiviti kemasyarakatan dan banyak lagi.

PPDK menempatkan

pelatih berusia tiga sehingga 17 tahun dan antara jenis kecacatan yang berdaftar adalah seperti diagnosis Autism, Cerebral Palsy, Syndrome Down, Mental Retardation dan Ketidakupayaan Fizikal.

Cakna dengan nasib golongan OKU, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim turun padang menyantuni serta menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada pelatih dan juga petugas di PDK Presint 14.

WK



ANTARA aktiviti fizikal yang dilakukan bersama pelatih.



**SHAHIDAN** ketika berucap di Majlis Perasmian Menara Penguatkuasa pada Selasa.

# Menara Penguatkuasa Aspirasi kehebatan DBKL



AMIN FARIJ HASAN

**M**ENARA Penguatkuasa baharu yang dilancarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** bakal menjadi lambang kehebatan DBKL

dalam membentuk penguatkuasa bandar raya yang akan merealisasikan aspirasi Kuala Lumpur sebagai bandar raya sejahtera untuk semua menjelang 2030.

Selain merasmikan Menara Penguatkuasa, Shahidan turut menyempurnakan Pelan Strategik Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2022-2026, di mana melibatkan penguatkuasa

penggantian pakaian seragam operasi serta 'design' pangkat yang baharu.

Sebagai sebuah badan beruniform, penguatkuasa bandar raya juga diharap dapat bertindak berlandaskan penguatkuasaan undang-undang yang adil dan saksama dalam mencapai bandar raya yang sejahtera dan penuh dengan semangat Keluarga Malaysia. **WK**



# Wajah Sudirman abadi di Jalan Chow Kit



DEEL ANJER

**L**UKISAN wajah ikonik negara, Allahyarham Datuk Sudirman Arshad di sebuah dinding berhampiran Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur menyerikan suasana sekali gus membangkitkan nostalgia Penghibur Nombor Satu Asia yang pernah mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

Apa yang menarik, di lokasi yang sama juga Allahyarham yang sering membawa mesej perpaduan masyarakat dalam lagu-lagunya pernah mengadakan konsert jalanan terbesar pada tahun 1986.

Menurut pelukis mural *Legend Of Sudirman*, **Syamsul Haffiz Addenno**, 30, segala penat lelahnya berbaloi apabila ramai yang menyukai dan teruja melihat lukisan tersebut.

"Saya mula melukis mural tersebut sejak pertengahan Januari lalu. *Alhamdulillah* akhirnya berjaya disiapkan pada 17 Februari baru-baru ini. Kalau ikut jam, saya siapkan lukisan itu dalam tempoh seminggu," ujarnya.

Ceritanya lagi, banyak cabaran



KONSERT terbesar pada tahun 1986 yang menghimpunkan 100,000 penonton di Jalan Chow Kit.

dan keterujaan yang dirangkumkan dalam penghasilan lukisan tersebut tambahan pula ia dihasilkan olehnya seorang diri.

"Namun segala kepenatan dan apa saja cabaran itu tidak mampu melawan kenikmatan yang dirasai saat melihat ia tersergam indah dipandang orang ramai.

"Bagi saya, hasil karya seni dan pencapaian Allahyarham tetap

dikenang sampai bila-bila. Jadi, lukisan ini adalah satu penghormatan daripada generasi muda seperti saya buat penghibur kesayangan ramai itu," katanya yang turut berterima kasih kepada Pemulihan Agensi Pembangunan Ekonomi Budaya Malaysia (CENDANA), My Creative Venture dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana menaja projek lukisan tersebut.



POTRET Sudirman yang diabadikan di sebuah dinding berhampiran Jalan Chow Kit.

Dalam masa yang sama, Syamsul yang juga pelajar jurusan Seni Halus dari UiTM, Shah Alam berterima kasih kepada saudara Adzarul Buqary kerana memilihnya untuk terbabit dalam projek itu.

"Selepas tujuh tahun menjadi pelukis sepenuh masa, ini tentunya menjadi antara cebisan yang bermakna dalam kerjaya saya," ujarnya lagi. **WK**



SYAMSUL

# Gara-gara tegur menantu, Chef Wan terima surat saman RM1 juta daripada Shikin Maembong

KECOH dalam media sosial minggu ini apabila chef selebriti, Datuk Chef Wan 'berperang' dengan bekas menantunya, Shikin Maembong berkenaan isu kos perkahwinan.

Isu tersebut bermula apabila Chef Wan atau nama sebenarnya **Redzuawan Ismail**, 64, menegur Shikin dan bekas suaminya Nadzri (anak Chef Wan) yang bergaduh soal anak.

Gara-gara teguran tersebut, Chef Wan bakal disaman RM 1 juta apabila menerima surat tuntutan saman tersebut melalui peguam yang dilantik bekas menantunya.

Selain tuntutan saman, Chef Wan juga mendakwa dia tidak dibenarkan bertemu dengan cucunya, Arianna.

Kecewa dengan tindakan tersebut, Chef Wan mendakwa, dia banyak membantu Shikin ketika dalam kesusahan selain mendakwa perkahwinan pasangan tersebut menggunakan duitnya 100 peratus.

**"100 PERATUS DUIT SENDIRI" – SHIKIN MAEMBONG**



FOTO kenangan Chef Wan bersama Nadzri (Chef Riz) dan Shikin Maembong di majlis perkahwinan mereka pada tahun 2014.

Dalam satu perkongsian video di *Insta Story*, Shikin berkata, dia bukanlah seorang individu yang suka bercerita hal peribadi di media sosial.

"Masa saya kahwin dengan bekas suami, duit perkahwinan adalah 100 peratus duit sendiri. Masa tu saya dan bekas suami buat perniagaan Elken. Kahwin duit sendiri memang 100 peratus duit sendiri, tak ada satu sen pun duit daripada bapa mentua."


"Jadi apa yang ditulis adalah fitnah. Saya rasa semua kena tahu hal yang sebenar," ujarnya.

## CHEF WAN DAKWA SHIKIN PENIPU

MENERUSI perkongsian di *Instagram*, chef selebriti popular itu juga bersedia menunjukkan segala bukti bahawa dia yang telah membayar majlis perkahwinan pasangan tersebut.

"Such a liar! I asked my son semasa reception wedding di Ombak Asmara tu jika tak salah dinner for about 100 pax dan segala urusan pelamin siapa yg bayar dan uruskan?

"Saya boleh bawa saksi-saksi saya ketika itu macam Aunty Florence dan beberapa orang yang ikut



HANTARAN Chef Wan di Instagram yang mengatakan bekas menantunya penipu.

sama untuk membantu merancang majlis perkahwinan mereka dan saya bayar dengan duit saya sendiri," tegasnya.

Jelas Chef Wan, dia tidak memfitnah mengenai perkara berkenaan, malah menyatakan bahawa anaknya sendiri mengakui tidak memiliki wang ketika hendak berkahwin dengan Shikin.

Memahami situasi anak, Chef Wan mengambil keputusan untuk menguruskan semuanya, malah menyatakan turut menaja 100 peratus ketika perkahwinan pertama anaknya itu.

"I dont fitnah this stupid person with her innocent face trying to

accused me. Such lakonan drama dia ini," tambahnya lagi.

Wah nampaknya makin panas ini ini. Bagi pendapat *Wilayahku*, seeloknya perkara 'dalam kain' ni perlulah diselesaikan secara baik. Bukan apa, malah dengan orang lagipun itu cerita lama sekarang pun dah tak sebumbung lagi.

Pada bekas menantu pulak, tak perlulah nak saman menyaman, cuba fikir dalam-dalam, niat bekas bapa mertua tu cuma nak menegur tetapi yang salahnya tegur di media sosial. Apa kata muhasabah diri masing-masing sebab semua pun dah matang. Tak elok gaduh lama-lama tau!



SETELAH dikecam ramai apabila mahu mengambil tindakan mahu menyaman bekas bapa mertuanya, Shikin Maembong akhirnya tampil membuat kenyataan.

# DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA  
**wilayah Ku**

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE  
26cm X 33cm  
**RM7,500**



HALF PAGE  
26cm X 17cm  
**RM5,500**



QUARTER PAGE  
12cm X 17cm  
**RM4,500**



PANEL PAGE  
[INNER]  
26cm X 6cm  
**RM4,500**

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER  
1080px X 96px  
**RM2,500**



MIDDLE BANNER  
1080px X 280px  
**RM2,000**

MEDIUM RECTANGULAR  
350px X 280px  
**RM1,500**

HALF PAGE  
350px X 500px  
**RM1,000**

**50,000** naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:  
**YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)**  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

# Membela pembeli projek 'sakit' Residensi Brickfields

## MUKADDIMAH

**M**ASALAH projek sakit yang sinonim dengan projek perumahan seringkali mengheret pembeli ke dalam situasi yang tidak menentu. Ia secara tidak langsung turut mengheret kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut bagi membela pembeli yang terkesan.

Perbadanan PR1MA Malaysia, yang merupakan agensi hartanah di bawah Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPPT) turut terpalit dalam masalah tersebut sekali gus mencalarkan reputasinya. Residensi Brickfields yang dibangunkan PR1MA mengandungi 920 unit sepatutnya siap pada tahun 2021 mengalami kelewatan sehingga hari ini.

Dalam wawancara bersama wartawan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY, DIANA AMIR** dan jurugambar **NOREZZA HASHIM** selepas Sesi Townhall PR1MA di Sunway Resort baru-baru ini, Pengerusinya, **DATUK DR FATHUL BARI MAT JAHAYA** berkongsi masalah dan merungkai pekara sebenar projek terbengkalai di Residensi Brickfields yang antara lain dikatakan berpunca dari faktor kerugian akibat tindakan kerajaan terdahulu membatalan 33 projeknya sehingga mengganggu aliran tunai syarikat tersebut dan turut menganiaya pembeli.

**WILAYAHKU:** Bolehkah Datuk menjelaskan mengenai masalah projek sakit PR1MA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?

**FATHUL BARI:** Sebenarnya, projek sakit pada tahun 2021 ada satu sahaja, iaitu Residensi Brickfields, syarikat yang dilantik adalah Malaysian Resources Corp Berhad (MRCB) merupakan kontraktor utama yang dilantik dan mereka masuk tapak pembinaan pada hujung tahun 2018. Oleh kerana pandemik, jadi mereka agak kelewatan sedikit. Walau bagaimanapun, saya sudah melawat, kita telah pergi ke tapak projek untuk bertemu dengan wakil mereka di sana dan mereka sedang recover dan mempercepatkan proses.

Saya sendiri melihat kemajuan yang berlaku di tapak projek dan sekarang agak positif dibandingkan dengan keadaan sebelum ini. Tetapi itulah yang saya katakan tadi, ianya tidak adil untuk secara totalnya kita menghukum kontraktor semata-mata kerana bencana alam seperti pandemik ini yang mana semua orang terlibat dan kesannya adalah pekerja-pekerja pembinaan berkurangan apabila mereka diantar balik juga tidak boleh memasuki kawasan tapak semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jika diteliti balik dalam tempoh dua tahun dari 2020 hingga 2021, *down time* yang direkodkan sehingga 300 hari lebih dan tiada pekerja di tapak pembinaan itu, jadi perkara ini tidak boleh dielakkan dan dijadikan alasan untuk mereka menanggung proses pembinaan sehingga hari ini. Kita sudah beri Paket Rangsangan dan sekaran kita harap mereka memberikan komitmen yang tinggi untuk selesaikan dan saya lihat itu yang berlaku di tapak projek Residensi Brickfields.

Untuk makluman, saya kira Residensi Brickfields sudah 100

peratus dijual melibatkan 920 unit dengan harga RM270,000. Ini yang kita tidak mahu kerana apabila ia telah dijual semuanya, ada pembeli yang membuat pemotongan gaji untuk bayaran rumah, dalam pada masa sama, sewa rumah masih perlu dibayar kemudian gaji dipotong, terutama yang terikat dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), jadi kita harapkan kontraktor kita di Kuala Lumpur terutama dalam konteks Wilayah Persekutuan selesaikan dalam tempoh yang dijanjikan.

Kita telah membuat penjadualan semula dan semua perkara telah diteliti semula, bahkan ada beberapa perjanjian baharu turut dibuat supaya mereka dapat selesaikan projek tersebut tepat pada masanya dengan kualiti yang dikehendaki.

**WILAYAHKU:** Selain daripada faktor pandemik COVID-19 yang dikatakan menjadi punca kepada kelewatan, mungkin ada faktor lain yang menyumbang kepada masalah itu berlaku?

**FATHUL BARI:** Asasnya kelewatan itu disebabkan oleh masalah pandemik seperti yang saya sebutkan tadi. Yang keduanya, secara telusnya adalah disebabkan aliran tunai terganggu akibat daripada pembatalan hampir 33 projek oleh kerajaan terdahulu (Pakatan Harapan) dan PR1MA perlu membayar ganti rugi yang melibatkan hampir RM1.1 bilion. Jadi kita berhadapan dengan masalah kewangan pada tahun 2019. Pada ketika itu, memang kita berhadapan dengan masalah kewangan, namun ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menafikan hak pembeli bagi menuntut kediaman mereka.

Saya nak bagi tahu isu yang perlu kita hadapi adalah PR1MA berhutang disebabkan

perlu membayar pampasan ekoran pembatalan 33 projek di mana ianya bukan lagi rahsia malah turut menjadi isu di platform media sosial dan sebagainya. Jadi pada waktu itu, kita bayar dan selesaikan dengan kontraktor menyebabkan projek yang sedang berjalan terganggu kerana aliran tunai digunakan untuk membayar pampasan. Projek sedia ada juga menghadapi kelewatan.

Meskipun begitu, saya bersyukur kerana ada dalam kalangan kontraktor yang membantu tanpa apa-apa bayaran, mereka sanggup menyambung semula kerja untuk menyelesaikan projek yang tergandala.

Bila hari ini mereka berhadapan dengan pandemik, pekerja mereka tiada di tapak dan inilah masanya untuk kita bantu mereka pula, tetapi dalam masa sama, kita juga hendak selesaikan masalah pembeli. Sebab itu, kita diarahkan oleh KPPT untuk membayar Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) yang melindungi pembeli hartaan dalam kes yang melibatkan pemaju tidak dapat menyiapkan rumah dalam masa ditetapkan. Itupun kita bayar.

Malah kita juga sedang meneliti yang mana perlu diselesaikan. Sebab itu saya sebutkan tadi, kita berkongsi masalah ini seorang sedikit, masalah kita ada, masalah kontraktor ada dan juga pembeli. Dan pembeli ini, seperti yang saya katakan, ini adalah hak mereka kerana pembayaran telah dilakukan dan kita perlu tunaikan hak mereka.

**WILAYAHKU:** Sebagai pemaju perumahan, sudah pasti pihak PR1MA berhadapan dengan kenaikan harga bahan-bahan pembinaan sehingga melebihi 100 peratus. Bagaimana pihak Datuk menyerap kenaikan ini untuk projek-projek di bawah kendalian PR1MA?

**FATHUL BARI:** Untuk projek baharu, itu lain cerita, tetapi untuk projek lama, kitakekalkan. Kita beri pakej

rangsangan tadi untuk membantu merangkankan beban kontraktor sebab kita mesti 'deliver' rumah ini kepada pembeli. Sebab itu, kita korbankan sedikit duit yang kita ada ini untuk memastikan kontraktor dapat menyelesaikan projek-projek ini. Umum mengetahui bahawa PR1MA ini bukanlah *profit oriented* dan walaupun terpaksa menanggung kerugian sedikit, yang penting kita mesti tunaikan hak pembeli agar mereka dapat rumah yang mereka idam-idamkan.

Diantara isu COVID-19, dan kenaikan barang pembinaan, di tengah-tengahnya kerajaan memberikan Paket Rangsangan yang dapat membantu kontraktor dan pada saya ia bukanlah menjadi satu alasan lagi untuk kelewatan projek.

Untuk projek baharu, itu cerita lain, untuk kelulusan baharu juga cerita lain. Kita akan teliti semula supaya harga yang ditawarkan nanti lebih rasional. Supaya tiada isu di kemudian hari termasuk kecacatan kerana menggunakan barang pembinaan yang murah sehingga menjadikan kualiti dan sebagainya.

**WILAYAHKU:** Datuk ada menyebutkan mengenai kaedah *Transit Oriented Development* (TOD) yang digunakan dalam pembangunan RMM di bandar raya Kuala Lumpur, bolehkah perincikan mengenai perkara itu?

**FATHUL BARI:** Projek TOD ini bermula pada 2015 dimana pada ketika itu, kerajaan telah menyediakan beberapa bidang tanah untuk diberikan kepada beberapa institusi termasuk PR1MA yang mendapat lapan lokasi sekitar Kuala Lumpur. Di setiap lokasi ini dalam radius 1.5 km daripada kawasan hub

pengangkutan seperti MRT, Star, LRT dan Monorel di sekitar Lembah Klang. Sebenarnya projek TOD ini sudah lama dibahaskan, dan ia telah diletakkan sebagai salah satu projek yang akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Apabila kita memberikan pendidikan dan pendedahan kepada golongan muda terhadap pelaburan untuk masa depan mereka terutama pemilikan hartaan iaitu rumah, kita katakan janganlah sibuk nak beli kereta mewah, barang berjenama mewah, jadi apabila mereka duduk dekat dengan kawasan laluan atau hab pengangkutan awam, mahu pergi kerja sudah tiada masalah, hanya perlu naik perkhidmatan yang disediakan sahaja. Malah ada beberapa tempat yang jaraknya kira-kira 500 meter dari stesen LRT, jadi mempermudahkan urusan mereka.

Sekarang ini, orang bercakap mengenai gaya hidup, orang nak semua dekat-dekat, nak pergi kerja dekat, nak pergi KLCC dekat dan sebagainya. Projek TOD ini bagi saya mampu menyelesaikan masalah ini dan apabila PM mengumumkan perumahan untuk orang muda, ini salah satu pada saya boleh menjadi tarikan dengan nilai yang sifatnya mampu milik.

Ketika ini kita sasarkan pembangunan TOD di lapan lokasi dan setiap satunya dianggarkan pembinaan lebih 400 unit ke atas. Cuma ia berbalik kepada polisi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang berkait dengan *plot ratio*, *density* dan sebagainya yang dibenarkan oleh KWP.

Kita juga mengharapkan sokongan daripada KWP dan saya yakin Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang merupakan bekas Pengerusi PR1MA sebelum ini dapat membantu mempermudahkan kerana kita bangunkan rumah mampu milik dan Menteri KPPT telah membicarakan soal *liveable*, *liveability index* berkenaan sejauh mana orang ramai terutama generasi muda mampu untuk menduduki dan membeli rumah mampu milik kerana sebelum ini ramai yang menyebutkan kebanyakan rumah adalah mampu tengok sahaja. Jadi, itu adalah antara kriteria yang kita perlu beri penekanan juga terutama untuk golongan muda pada hari ini. **W.K**



FATHUL BARI



# Sambal unik Restoran Bawal Power Sempoi di Putrajaya

SABRINA SABRE

Foto: SYUQQREE MOHD DAIN

**T**ERLETAK berhadapan Tasik Putrajaya, Restoran Bawal Power Sempoi Putrajaya menjanjikan suasana tenang buat anda yang ingin menikmati pelbagai hidangan menyelerakan.

Biarpun baru dibuka pada 16 September tahun lalu, namun restoran ini sentiasa sesak dikunjungi pelanggan.

Akui Pengurus Pemasaran Bawal Power Sempoi cawangan Putrajaya, **Noor Ezlin Sha'ari**, antara rahsia yang mengikat pelanggan adalah kekuatan tiga jenis sambal yang dihasilkan.

"Kalau nak tahu, sambal yang disediakan di Restoran Bawal Power Sempoi ini memerlukan masa selama empat jam untuk disiapkan. Kalau kurang daripada itu, tak menjadi power," katanya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, sambal yang disediakan amat unik dan berbeza dari tempat lain. Campuran yang dirahsiakan itu amat memikat selera pelanggan sekali gus membuatkan mereka 'ketagih'.

"Kebanyakan pelanggan yang datang biasanya akan meminta sambal lebih dan ada juga yang ingin mendapatkan resipi sambal," ujarnya yang mengakui resipi tersebut adalah hasil air tangan daripada pasukannya.

Selain daripada keenakan sambal, pelanggan biasanya teruja kerana restoran yang mempunyai tiga cawangan ini menyediakan pilihan lauk-pauk yang segar.

"Sama seperti di cawangan Bangi dan Cyberjaya, sajian utama yang disediakan adalah bawal goreng, bawal bakar, sotong goreng dan sotong bakar manakala pada hujung minggu, kami mempunyai menu istimewa seperti sup tulang, udang galah masak lemak, patin tempoyak, asam pedas dan banyak lagi," ujarnya.



NOOR EZLIN



ADZRUL EDZMEER



ANTARA menu yang terdapat di Restoran Bawal Power Sempoi Putrajaya.

Katanya lagi, selain daripada itu, terdapat dua jenis konsep hidangan yang dipertaruhkan iaitu bakar dan goreng.

"Pengunjung yang hadir akan disajikan nasi panas bersama tiga sambal khas percuma iaitu sambal hitam, sambal belacan dan air asam," ujar usahawan berusia 42 tahun itu.

"Di samping sajian utama, kami turut menyediakan masakan panas berserta aneka lauk-pauk yang boleh dipilih mengikut cita rasa masing-masing," katanya.

Kata Noor Ezlin lagi, ikan bawal dan sotong bersaiz XXL di restoran ini bukan sahaja mengenyangkan malah seimbang dalam setiap elemen dengan adanya sambal berbeza berserta ulam-ulaman.

"Usah risau, harga yang ditawarkan amat berpatutan mengikut saiz dan harga pasaran. Dengan harga serendah RM13 sepinggan, ia bukan sahaja berpatutan, malah boleh dikatakan

agak murah," ujarnya yang mementingkan cita rasa pelanggan.

Sementara itu, menurut Pengurus Besar Bawal Power Sempoi, **Adzrul Edzmeer Adenan**, 30, idea nama 'Bawal Power Sempoi' itu mula tercusus apabila masakan ikan bawal di restoran itu mendapat permintaan yang lebih tinggi berbanding masakan lain daripada pelanggan tetap yang sering berkunjung.

"Pada asalnya kita bermula dengan nasi berlauk dan *try and error* pelbagai lauk lain, tetapi bawal yang paling cepat habis, jadi kami membuat keputusan untuk mengekalkannya sebagai sajian utama. Maka terjadilah nama Bawal Power Sempoi," jelasnya.

Tambah Adzrul Edzmeer, pemilihan ikan bawal sebagai sajian utama di restoran itu adalah disebabkan masakan ikan bawal jarang ditemui di kawasan Lembah Klang.

"Namun sejak perkenalkan beberapa menu yang kami cipta sendiri terutamanya bawal dan sotong, ramai mula tertarik dan kebanyakannya yang pernah mencuba



Imbas kod QR untuk tonton video

datang lagi. "Ikan bawal dan sotong antara menu yang mendapat permintaan tinggi bukan sahaja daripada penduduk di sini, malahan pelanggan daripada luar kawasan Wilayah Persekutuan yang kini turut menjadi pengunjung tetap.

"Menariknya, bekalan ikan bawal

segar. Sekiranya dah habis di meja hidangan, pelanggan boleh minta di kaunter dan kita akan gorengkan yang baru," katanya yang berhasrat untuk membuka cawangan tambahan pada pertengahan atau akhir tahun hadapan. **WK**



## INFO BAWAL POWER SEMPOI

### Alamat:

Ayer@8, Unit No C1-LG3A  
Ayer@8, Jalan P8G, Presint 8,  
62250, Putrajaya.

Ground floor Galleria Cyberjaya,  
Jalan Teknokrat 6, Cyber 5,  
63000 Cyberjaya, Selangor.

Lot 5939, Taman, Jalan Taman  
Sentosa, Desa Sentosa Fasa 2,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor.

No. Telefon: 016-661 1320  
(Noor Ezlin)

Facebook:  
Bawalpowersempoiputrajaya

Instagram:  
bawalpowersempoihq

Waktu Operasi: 11 pagi hingga 5 petang (Tutup setiap hari Jumaat)

Harga: Bermula RM13 (Mengikut saiz dan harga pasaran)

# Sutan Puasa pengasas sebenar Kuala Lumpur



DIANA AMIR

**M**EMETIK catatan kolumnis *Wilayahku* pada minggu lalu, persoalan berkenaan siapa pengasas sebenar Kuala Lumpur kembali diperkatakan apabila pakar sejarawan mendedahkan beberapa fakta baharu yang menyatakan Yap Ah Loy bukanlah pengasas ibu negara itu.

Sutan Puasa atau dikenali juga sebagai Sutan Naposo merupakan seorang saudagar dari Mandailing yang datang ke Tanah Melayu dan memajukan semua kegiatan ekonomi di sekitar Kuala Lumpur serta antara penyumbang kepesatan ekonomi di Kuala Sungai Gombak serta Sungai Klang.

Namanya jarang didengari juga tidak dicatat dalam sejarah kerana pantang larang yang dipegang orang Mandailing pada masa itu di mana gambar mereka tidak boleh dirakam oleh sesiapa pun.

Orang Melayu dahulu juga tidak menyimpan rekod menyebabkan umum tidak mengetahui mengenai sumbangan Sutan Puasa dan antara faktor menyebabkan pedagang dari Sumatera, Indonesia kedengaran asing dalam sejarah Kuala Lumpur.

Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim mendedahkan perkampungan Mandailing sudah pun wujud di Kuala Lumpur sebelum kawasan tersebut dibangunkan Sutan Puasa sekitar 1830-an.

Itu menjadikan beliau sebagai individu yang bertanggungjawab dalam merancang dan membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat perniagaan dan ekonomi sebelum kedatangan British pada tahun 1875.

Menurut fakta yang dibawa oleh Kay Kim sebelum aktiviti perlombongan bijih timah dijalankan di Kuala Lumpur, orang-orang Mandailing telah membina penempatan di sekitar Sungai Klang dan Gombak.

Dibuktikan dengan penemuan terowong rahsia sepanjang 10 meter yang dipercayai berusia ratusan tahun di Bukit Nanas, Kuala Lumpur.

Pentadbiran secara tidak langsung yang diamalkan oleh raja dan pembesar pada masa tersebut telah meluaskan pengaruh Sutan Puasa di kalangan orang Mandailing.

Antara fakta lain yang dinyatakan ialah ketua orang Mandailing itu sendiri telah menjemput Hiu Siew dan rakanahnya Ah Sze Keledek dari Sungai Ujung berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mengembangkan perniagaan.

Hiu Siew kemudiannya menjadi kapitan Cina Kuala Lumpur

pertama dengan sokongan Sutan Puasa yang merupakan orang kaya Mandailing pada ketika itu.


Malah, pelantikan Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur ketiga turut mendapat sokongan daripada Sutan Puasa walaupun ada di kalangan orang Cina menentang pelantikan itu.

Benarkah Yap Ah Loy adalah pengasas bandar raya Kuala Lumpur? Anak jati Wilayah Guangdong, China ini telah memajukan Kuala Lumpur dengan menjadi pelopor utama dalam industri perlombongan bijih timah.

Bagaimanapun berdasarkan penulisan buku 'Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur' oleh Abdur-Razzaq Lubis memberi interpretasi baharu berhubung sejarah awal Kuala Lumpur yang memberi fokus terhadap peranan Sutan Puasa semasa era awal aktiviti perlombongan bijih timah.

Penulisan naskhah itu adalah usahanya melakukan kajian kesarjanaan sekali gus menolak penamaan Yap Ah Loy atau Raja Abdullah sebagai pengasas bandar Kuala Lumpur.

1 Februari lalu, telah genap 50 tahun Kuala Lumpur sebagai bandar raya, oleh itu pihak berwajib perlu mengambil langkah segera dalam membetulkan semula fakta pernubuhan Kuala Lumpur sekiranya terdapat intipati baharu yang dibawa oleh pakar sejarawan. **WK**



TERLETAK di Batu 5, Gombak, lokasi tersebut dipercayai merupakan kediaman terakhir Sutan Puasa sebelum beliau meninggal dunia pada 1908.



LUKISAN oleh kartunis Lat menggambarkan Sutan Puasa berjalan bersama Kapitan Cina, Yap Ah Loy di Java Street yang kini dikenali sebagai Jalan Tun Perak.





Foto - Buku Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur.

# JPN Labuan laksana Bengkel Pelan Taktikal



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**D**ALAM memastikan hala tuju dan gerak kerja tahun 2022 memberi impak maksimum, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah melaksanakan Bengkel Pelan Taktikal, Sasaran Kerja Tahunan dan Keberhasilan, baru-baru ini.

Menurut urus setia program itu, **Faridah Amit**, bengkel itu adalah asas penting kepada penyelarasan perancangan gerak kerja secara berfokus di peringkat jabatan.

"Objektif utama program ini adalah untuk menetapkan matlamat dan keberhasilan sektor bagi setiap aktiviti berdasarkan Pelan Strategik yang telah dirangka sejak November tahun lalu.

"Hal ini dapat diterjemah melalui penyediaan Pelan Tindakan

dan Sasaran Kerja Tahunan 2022," katanya.

Terdahulu, delegasi JPN Labuan mengadakan sesi lawatan penandaarasan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke JPN Sabah.

Lawatan ini memberi peluang setiap sektor melihat pengurusan EKSA di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah selain bertukar-tukar pandangan dan berkongsi idea dalam memantapkan perlaksaan EKSA dalam jabatan masing-masing.

Sesi penutupan bengkel yang diurus setiakan oleh Sektor Perancangan itu disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan Labuan, Yusup Mohamad.

Dalam ucapannya, Yusup mengucapkan tahniah kepada semua Timbalan Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah yang telah memberi komitmen terbaik dalam menyediakan perancangan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tahun 2022.

"Kita telah berjaya menyediakan satu rangka perancangan yang terbaik dan selepas ini kita berusaha

bersama-sama untuk melaksanakan perancangan secara terbaik bagi mendepani cabaran pendidikan global dalam memastikan dua matlamat utama iaitu meningkatkan kualiti sekolah dan kemenjadian murid tercapai dengan jayanya," ujar beliau.

Tambahnya, menyorot hasil lawatan penandaarasan EKSA, beliau turut menyarankan agar semua sektor dapat menerapkan elemen dan imej korporat di dalam sektor masing-masing.

"JPN Sabah telah berjaya menonjolkan imej korporat melalui pelbagai bentuk hiasan dan pameran. Saya yakin dan percaya kita juga mampu untuk mencorakkan imej korporat kita sendiri, Justeru komitmen dan idea kreatif perlu digembung bersama bagi mencapai hasrat pensijilan semula EKSA cemerlang pada tahun ini," katanya.

Sesi perbengkelan itu dikenalakian oleh Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Mohd Nizam Yasim. **WK**



YUSUP (empat dari kanan) dan pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan WP Labuan merakam kenangan di hadapan Jabatan Pendidikan Sabah.

## Karate Labuan rangkul emas, tamatkan kemarau panjang

PASUKAN Karate Labuan berjaya merangkul pingat emas, perak dan gangsa dalam Kejohanan Karate Senior Kebangsaan ke-40 dan Kejohanan Karate Kadet dan Karate Remaja Kebangsaan ke-30, baru-baru ini.

Kejayaan itu menamatkan kemarau panjang pasukan itu selama 11 tahun tanpa menawan pingat emas dalam kejohanan itu.

Acara empat hari bermula 17 Februari dan berakhir pada Sabtu 21 Februari di Dewan MPSJ Serdang, Selangor, menyaksikan penyertaan kira-kira 400 atlet karate dari seluruh negara.

Pingat emas tunggal Labuan diraih pelajar Sekolah Menengah Labuan, Adib Abdullah Mohd Dzulfadly, 16, selepas menewaskan atlet karate dari Selangor dalam kategori kumite remaja lelaki bawah 55kg.

Sementara itu, Nur Aneesa Aira Mohamad Affendi disasarkan untuk mendapatkan pingat emas di peringkat final namun tewas kepada



MUHAMMAD Isyraf Faiz Mohd Ismifarizal (dua kanan) memperolehi pingat gangsa bagi kategori Kumite Male Cadet +70kg

da peserta Selangor pada saat akhir dan berjaya memperoleh pingat perak dalam kategori Kadet Kumite Perempuan -47kg. **WK**

Selain itu, turut meraih pingat gangsa iaitu Muhammad Isyraf Faiz Mohd Ismifarizal kategori Kadet Kumite Lelaki +70kg. **WK**

## Anak petani terima Anugerah Pelajar Terbaik

**BERLATAR belakang keluarga petani tidak menghalang Siti Nurhani Abd Rasit, 21, untuk berjaya dalam akademik apabila menerima Anugerah Pelajar Terbaik Program (APTP) Kebangsaan pada majlis Konvokesyen Kolej Vokasional, baru-baru ini.**

Anak kelahiran Pitas, Sabah itu memperolehi cemerlang purata gred kumulatif PNGK 3.88 dalam jurusan Diploma Teknologi Pembinaan.

Siti Nurhani berkata, tiada ungkapan selain bersyukur dengan kejayaan itu dan merealisasikan impian kedua ibu bapanya.

"Perasaan saya mahu menangis dan terharu serta berbangga dengan diri sendiri di atas kejayaan yang diperolehi.

"Dalam masa yang sama, saya turut berbangga dapat menghargamkan nama KV Labuan di peringkat kebangsaan. Di samping itu, anugerah yang diperoleh turut membanggakan ibu bapa saya," katanya kepada Wilayahku.

Sementara

itu, Pengetua KV Siti Muslihah Leeudin, berkata sejak enam tahun lepas KV Labuan mencatatkan pencapaian yang amat membanggakan dengan melahirkan graduan yang berpotensi dengan keputusan yang cemerlang.

"Kali ini adalah kali yang keenam KV Labuan mendapat anugerah pelajar terbaik di peringkat kebangsaan dan ini amat membanggakan kita.

"Sejak Konvokesyen pertama hingga kali keenam ini, kita telah melahirkan enam pelajar yang menerima anugerah pelajar terbaik peringkat kebangsaan," katanya.

Terdahulu, seramai 112 graduan KV Labuan diraikan majlis graduasi pada Istiadat Konvokesyen KV Labuan kali ke-6 di sebuah hotel terkemuka di sini, pada Ahad laju. **WK**



SITI Nurhani merupakan graduan KV Labuan yang menerima Anugerah Pelajar Terbaik Kebangsaan pada Majlis Konvokesyen KV Labuan kali ke-6, pada Ahad laju.



NUR Aneesa Aira Mohamad Affendi memenangi pingat perak dalam kategori Female Kumite Cadet -47kg.

ADIB Abdullah Mohd Dzulfadly meraih pingat emas dalam kategori Male Kumite Junior -55kg.

# Pelan Tranformasi Rumah Mampu Milik

PROF DR ISMAIL OMAR

**T**ANPA tempat berlindung sesuai, penghasilan rakyat menurun. Akibatnya pendapatan negara merosot. Negara miskin apabila rakyat hidup bergelandangan dan papa kedana. Justeru, usaha Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) merangka strategi penyediaan dan pelaksanaan 500,000 Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara adalah gerak kerja membabitkan perancangan dan pelaksanaan mantap untuk merumahkan rakyat.

Langkah ini membuktikan kerajaan prihatin dengan masalah perumahan mampu milik rakyat. Namun, rakyat masih kurang pasti mengenai pelbagai isu sekitarnya seperti kualiti, kaedah pembinaan, bayaran balik, pengangkutan, keselamatan, harga dan lokasi.

Rakyat mengharapkan perumahan benar-benar mampu milik dalam erti kata sebenar. Bagi rakyat, terutama B40 ada perbezaan antara kuantiti dan kualiti. Mereka tidak mahu melihat RMM dibina dengan kuantiti banyak, tetapi hanya mampu tengok dan dijadikan alat spekulasi golongan tertentu. Apalagi dengan kualiti rendah, tetapi harga masih di luar kemampuan kewangan mereka.

Rakyat sudah berpendidikan tinggi, manakala golongan belia kini boleh mengundi. Bagi mereka, kualiti termasuk keselesaan, kebolehbinaan dan kebolehpasaran, iaitu bukan sekadar mampu milik, tetapi tidak mampu disenggara.

Kualiti ini perlu mengambil kira ciri seperti saiz, bilik, struktur dan kemasan. Disebabkan rumah tempat berlindung, ia seharusnya memberi keselesaan dan keselamatan.

Justeru, harga pasaran, kemudahan pinjaman dan bayaran balik pinjaman perlu diberi perhatian, terutama mengikut lokasi dan kemudahan yang perlu. Apa guna harga rumah murah, tetapi kos pengangkutan berganda.

**“Realitinya, kefahaman jelas mengenai konsep dan amalan perumahan mampu milik perlu diberikan penekanan. Ini membabitkan sistem penyampaian dalam pendidikan. Sumber dana pembinaan dan pembiayaan perlu cukup dan telus. Ketersediaan tanah, termasuk premium dan proses kelulusan pembinaan mempengaruhi harga.”**

Sudah tentu aspek kualiti dan kuantiti sebenarnya luas, sekali gus merangkumi banyak aspek berbeza mengikut negeri, daerah dan penempatan. Semua faktor ini perlu dipertimbangkan dengan teliti ketika menentukan kemampuan membayar dan bentuk serta jenis pembinaan rumah akan dibina, sekali gus bukan sekadar kuantiti dan amaun pinjaman semata-mata (biasanya pinjaman tidak penuh 100 peratus).

Ini bermakna, pangkalan data penduduk dan keperluan perumahan mereka mengikut petempatan perlu disediakan bagi menentukan tahap keperluan serta kemampuan sebenar pembeli RMM. Tanpa data kependudukan tepat, sasaran bilangan pembinaan rumah dan harga sesuai akan tersasar.

Akibatnya, isu rumah mampu akan berterusan dan rakyat hanya mampu tengok. Apabila harga rumah melambung macam roket, rakyat hanya mampu meneropong dan melopong.

Pada masa sama, rakyat memahami industri perumahan terjejas teruk ketika dan selepas



INDUSTRI perumahan bukan setakat aspek kuantiti dan kualiti semata-mata, sebaliknya termasuk ekonomi pembeli perlu dianalisis terperinci.

pandemik COVID-19. Pihak bank terkesan dengan kemampuan melunaskan pinjaman, manakala pembeli mahukan moratorium.

Pemaju juga resah kerana kadar keuntungan sut mereka merosot. Harga barang binaan melonjak tinggi hingga ada sampai 100 peratus atau lebih tinggi. Pekerja binaan juga berkurangan akibat sekatan keluar bekerja. Tidak semua sektor boleh bekerja dari rumah.

Begitu juga ketika bencana banjir, banyak tapak binaan rosak dan bahan binaan musnah. Akibatnya, bekalan rumah kurang serta harga akan dipengaruhi faktor sebegini.

Justeru, banyak perkara perlu ditambah baik dalam menyediakan RMM. Bukan pembeli sahaja perlu disantuni, malah pelabur bank dan pemaju.

Barangkali bank perlu mencari kaedah pemberian pinjaman titian kepada pemaju lebih adil tanpa riba seperti pembiayaan mengikut perbankan tanpa faedah atau melalui wakaf dan sukuq atau bon Islam.

Pembiayaan sukuq dilaksanakan dengan jaya di bawah pemerintahan Khalifah Harun Al Rasyid pada era Abbasiyyah kurun ke-6. Sistem dan kaedah ini begitu meluas di seluruh dunia. Begitu juga kaedah pembiayaan akhir kepada pembeli melalui pelbagai skim perbankan tanpa faedah di negara kita. Melalui skim wakaf juga, pembiayaan diganti skim sewaan atau wakaf ijarah seperti sewa beli.

Jadi, elok juga kerajaan mengkaji semula dasar berkaitan perumahan mampu milik. Bukan memberi penekanan terhadap kuantiti semata-mata, sebaliknya turut memudah dan mempercepatkan proses kelulusan merancang kerana kelewatannya bermakna kos kepada pemaju.

Laporan Kajian Kemungkinan

dan Kajian Pasaran perlu diwajibkan supaya rumah dibina boleh dijual di pasaran. Kerajaan juga perlu mengharmonikan semua perundangan berkaitan perumahan. Barangkali lebih banyak kilang bahan binaan boleh dibina kerajaan dengan swasta.

Usaha kerajaan Kelantan mewujudkan ahli profesional hartanah dalaman seperti Biro Bantuan Guaman mampu mengurangkan fi profesional, seterusnya mengurangkan harga RMM di Kota Bharu sehingga mencapai RM180,000 seunit.

Selain itu, industri perumahan bukan setakat aspek kuantiti dan kualiti semata-mata, sebaliknya termasuk ekonomi pembeli perlu dianalisis terperinci. Pembeli bukan sekadar mampu membeli dan membayar balik pinjaman, malah mereka juga perlukan kemudahan sokongan seperti padang, gelanggang sukan, tempat beribadah dan bersosial.

Kita perlu mengikuti apa dijalankan di luar negara seperti Scotland yang ada konsep rumah rakyat, *social home* atau *council home*. Kerajaan tempatan dan negeri seharusnya mencontohi pembinaan rumah rakyat seperti ini.

Ia bukan sekadar harga mampu milik, bahkan kemudahan sosial selain kualiti dan kuantiti diberi keutamaan. Banyak perumahan rakyat di negara lain boleh dijadikan perbandingan dan diubah suai untuk kesesuaian di negara ini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ada menyediakan rumah rakyat, tetapi masih banyak perlu dibaiki. Justeru, pihak berkuasa tempatan (PBT), kerajaan persekutuan dan negeri perlu bekerjasama lebih mantap.

Oleh itu, sekiranya dasar dan sasaran RMM dapat dilaksanakan sempurna, nescaya kerajaan dapat

memenuhi cita rasa dan keperluan rakyat. Namun, tanpa pelaksanaan sempurna seperti wujudnya rasuah dan penyelewengan, pembinaan RMM tidak akan mencapai matlamatnya.

Justeru, merancangkan PBT dengan bantuan kerajaan negeri dan Persekutuan seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) perlu membina sistem maklumat perumahan lengkap untuk memastikan keharmonian data permintaan serta penawaran RMM boleh dipertanggungjawabkan.

Realitinya, kefahaman jelas mengenai konsep dan amalan perumahan mampu milik perlu diberikan penekanan. Ini membabitkan sistem penyampaian dalam pendidikan. Sumber dana pembinaan dan pembiayaan perlu cukup dan telus. Ketersediaan tanah, termasuk premium dan proses kelulusan pembinaan mempengaruhi harga.

Jika membabitkan tanah wakaf, hukum-hakam berkenaan perlu dipatuhi. Begitu juga tanah rizab Melayu dan natif. Akhirnya, kita perlu ada bentuk Pelan Reformasi Perumahan Mampu Milik Negara supaya perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang disediakan di setiap negeri sebagai panduan.

Begitu juga penggerak industri dan pakar di universiti dalam sistem penyampaian perumahan perlu mewujudkan jaringan perumahan mampu milik untuk membantu kerajaan. Dengan ini, sekurang-kurangnya isu dan masalah perumahan mampu milik dapat diatasi dan usaha untuk merumahkan rakyat menjadi kenyataan.

Penulis adalah Pengarah Institut Antarabangsa Alambina Malaysia (IIBEM) dan Naib Canselor, Geomatika University College (GUC).



PANGKALAN data penduduk dan keperluan perumahan mereka mengikut petempatan perlu disediakan bagi menentukan tahap keperluan serta kemampuan sebenar pembeli RMM.

# RM69,540 berjaya dikutip PPj dalam Kempen Jom Bayar Kompaun/Saman sempena SHWP

**AINI MAWAWI**  
**FOTO: FARIS AZMI PPJ**

**S**EJUMLAH 1,797 kompaun berjaya diselesaikan sepanjang Kempen Jom Bayar Kompaun/Saman Perbadanan Putrajaya (PPj) bermula 1 Januari 2022 hingga 22 Februari 2022 bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022.

Jumlah tersebut bersamaan dengan RM69,540 yang meliputi pelbagai jenis kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 dan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta).

Menurut Naib Presiden Undang-Undang/Setiausaha Perbadanan Putrajaya (PPj), **Kamal Azira Hassan**, tiada sebarang sasaran yang ditetapkan untuk kempen tersebut namun berharap orang ramai memanfaatkan peluang yang diberi.

"Alhamdulillah dalam tempoh 22 hari, kita berjaya mencapai jumlah yang agak besar dan saya

berharap, tempoh yang masih berbaki sehingga 28 Februari ini akan digunakan sebaik-baiknya untuk menyelesaikan saman.

"Tujuan kempen ini diadakan bertujuan menggalakkan orang yang kena kompaun dan kena saman membayar kompaun dan saman tersebut. Secara tidak langsung, ia dapat mengurangkan jumlah tunggakan yang masih tidak dibayar oleh pesalah trafik di Putrajaya.

"Rugi seandainya mereka tidak mengambil peluang keemasan ini kerana kadar bayaran yang ditetapkan jauh lebih rendah berbanding waktu biasa iaitu RM20 untuk kompaun dan RM50 bagi saman mahkamah," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, bagi mereka yang tidak berpeluang untuk hadir ke kaunter saman, mereka boleh membayar secara atas talian melalui bank Maybank dan CIMB.

"Kita juga turut menyediakan semakan kompaun dan rayuan di <https://erayuan.ppj.gov.my>. Untuk rayuan, orang ramai boleh



**KAMAL AZIRA**



**ORANG ramai mengambil peluang membayar saman di kaunter PPj sempena kempen yang dijalankan bermula 1 Januari lalu.**

mengemukakan alasan dan kita akan pertimbangkan alasan tersebut," ujar beliau.

Tiada sebarang perancangan untuk memanjangkan tempoh

kempen tersebut, bagaimanapun Kamal berkata, kebiasaan PPj akan menjalankan Kempen Jom Bayar Kompaun/Saman PPj sebanyak dua kali setahun.

"Selain sempena SHWP, kita juga membuka kempen sempena Bulan Kemerdekaan sehingga Hari Malaysia, 16 September setiap tahun," ujar beliau lagi. **WK**

## Insentif menarik menanti di program CAREton@Putrajaya 2022

**KOMUNITI** dan warga kerja Putrajaya dialu-alukan untuk menyertai kempen tiga siri CAREton@Putrajaya 2022 selaras dengan pelaksanaan Focus Area 6, Bandar Hijau Putrajaya untuk mengurangkan sisa pepejal yang dihantarkan ke tapak pelupusan sisa pepejal.

Kempen yang terbahagi kepada tiga siri tersebut bertujuan untuk menyokong sasaran kadar pengumpulan bahan kitar semula tahunan di Putrajaya iaitu sebanyak

tiga peratus peningkatan.

Menurut Pengarah Pembangunan Mampan Dan Perumahan, TPr **Noor Sita Abbas**, kempen tersebut juga dapat meningkatkan kesedaran dan penglibatan orang ramai dalam usaha kitar semula kotak air minuman terpakai UBC.

"Pada setiap siri tersebut, kita akan



**NOOR SITA**

memperkenalkan produk mesra alam menggunakan UBC yang mana secara tidak langsung mengurangkan sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan.

"Kita memang menyasarkan penduduk dan warga kerja Putrajaya untuk bersama-sama kempen ini. Terbaharu, pada Selasa lalu dan bagi yang terlepas, mereka boleh serta pada 18 Jun dan 22 Oktober bertempat di Pusat Kitar Semula Presint 9 dan Pusat Kitar Semula Presint 18," ujarnya.

Menariknya, pengunjung yang membawa minimum 20 UBC tanpa mengira jenama dan saiz akan diberikan insentif seperti satu baucar KFC RM5, sebotol MILO Nutri Pluz, sebuah buku nota CAREton dan satu baucar KFC RM5.

Terdahulu, Program CAREton diperkenalkan oleh Syarikat Tetra Pak, pengusaha kotak air minuman terpakai (*used beverage carton-UBC*) di Malaysia dan Syarikat Nestle Malaysia. CAREton merupakan satu inisiatif untuk mengumpul dan mengitar semula air kotak minuman terpakai kepada bahan baru iaitu papan poly Aluminium (PolyAl).

Sejak penyertaan Perbadanan

dalam program ini pada Februari 2020, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan nama program CAREton@Putrajaya antaranya pengajuran tiga sesi

latihan 'upcycle' UBC bersama Persatuan Warga Emas Putrajaya, Persatuan Orang Kurang Upaya Putrajaya dan komuniti Presint 8 pada tahun 2020.

**PERSYARATAN PENYERAHAN PREMIS PERNIAGAAN PERBADANAN PUTRAJAYA**

**PREMIS KOSONG**

Presint	Premis Kosong	Kategori Perniagaan
Presint 1	4 Unit Kios Usahawan Anak Muda Kota Putrajaya	Makanan dan Minuman
Presint 2	Kios No. K11 (Kios Merah)	Makanan dan Minuman
Presint 8	Median Selera Presint 8	
	Lot Gerai No. G07	Makanan
	Lot Gerai No. G09	Makanan
	Lot Gerai No. G10	Makanan
	Pasar Awam Presint 8	
	Lot Gerai No. G22	Barangan Kering
Presint 9	Median Selera Presint 9	
	Lot Gerai No. G01	Makanan
	Lot Gerai No. G02	Makanan
	Lot Gerai No. G07	Makanan
	4 Unit Kios Usahawan Anak Muda Kota Putrajaya	Makanan
Presint 16	Pasar Awam Presint 16	
	Lot Gerai No. G01	Bahan Mentah (Hasil Laut / Ayam Mentah)

Sila klik di link permohonan berikut <https://ppj.my/1o> untuk mendapatkan borang permohonan

**SYARAT PERMOHONAN:**

1. Warganegara Malaysia sahaja
2. Berumur 18-60 tahun.
3. Keutamaan kepada penduduk Putrajaya
4. Tiada sebarang tunggakan sewaan / kompaun Perbadanan Putrajaya
5. Telah mendaftar SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)
6. Peniaga sepenuh masa
7. Kaitangan kerajaan (perlu sertakan surat Kebenaran Majikan)
8. 1 keluarga, 1 Permohonan.

**Hantarkan Borang Permohonan anda ke:**

Bahagian Pelepasan,  
Jabatan Perkhidmatan Bandar,  
Aras 5, Blok B,  
Kompleks Perbadanan Putrajaya,  
No.24, Jalan Pesiarian Perdana, Presint 3,  
62675 Presint 3, Putrajaya.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:**  
**1 MAC 2022**



**INSENTIF** akan diberikan kepada pengunjung tanpa mengira jenama dan saiz.



JERSI pasukan Akademi Bola Sepak Subadron dan gambar lama yang dipamerkan pada ruangan khas di Wisma SFA.



DATUK Subadron Abdul Aziz menunjukkan gambar pasukan-pasukan di bawah bimbingan Akademi Bola Sepak Subadron.



ANTARA koleksi piala serta pingat yang dimenangi oleh Subadron sewaktu mewakili Pasukan Kebangsaan dan Kelab Bola Sepak Kuala Lumpur.

Bakal bina stadium bola sepak bernilai 12 juta

# Subadron figura lagenda bola KL

AINI MAWAWI

**S**UATU ketika dahulu, nama Datuk Subadron Abdul Aziz, 58, sering menjadi sebutan pemintat bola sepak tanah air. Pernah berbakti kepada skuad Kuala Lumpur, beliau dan rakan sepasukan berjaya menempa pelbagai kejayaan yang manis untuk dikenang.

Era 80 dan 90-an menjadi saksi apabila beliau dan pasukan berjaya menjuarai Piala Malaysia sebanyak tiga kali berturut-turut iaitu pada tahun 1987, 1988 dan 1989.

Tidak cukup itu, beliau dan rakan seperjuangan ketika itu antaranya Fandi Ahmad, Ramlan Askolani, Malek Awab turut berjaya menggondol dua Piala FA pada tahun 1993 dan 1994 kemudian kembali menjuarai saingan tersebut pada tahun 1999.

Kini, biarpun lebih tiga dekad sudah berlalu namun jasa dan bakti beliau dalam arena sukan bola sepak tanah air tetap menjadi sejarah manis yang tidak dapat dilupakan buat selamanya.

Mengakui bola sepak adalah nyawanya, beliau tidak akan berhenti memperjuangkannya se-



SUBADRON bersama pasukan Kuala Lumpur pernah menjuarai Piala Malaysia pada tahun 1987, 1988 dan 1989.

hingga ke akhir hayat. Buktinya, saat ini beliau sudah pun memiliki sebuah akademi iaitu Subadron Football Academy yang terletak di Batu Caves, Selangor.

Akademi tersebut ditubuhkan khas buat pelapis muda bola sepak seawal usia enam hingga 18 tahun.

"Saya sudah melalui semua zaman dari pemain bertukar jadi ahli perniagaan dan kali ini saya nak bersedekah dari segi buah fikiran, pengalaman serta kelebihan yang Allah bagi untuk mereka di luar sana yang ingin bermain bola."

"Saya tubuhkan akademi pada tahun 2012, setakat ini, pelajar saya yang datang dari seluruh negara. Niat memang untuk membantu sebab saya tahu ramai remaja terutamanya di kawasan Gombak yang bagus bermain bola tetapi tidak ada peluang."

"Saya tak nak mereka yang ada minat dalam bola jadi kecewa apabila disisihkan kerana latar belakang mereka yang miskin dan sebagainya. Jadi, kat sini saya buka peluang bukan sahaja untuk mendidik mereka sebagai pemain tetapi kita juga akan

bentuk sahsiah diri mereka," ujar bekas penyerang skuad Kuala Lumpur yang muncul juara secara hatrik.

Mengorak langkah ke hadapan, beliau yang juga bekas penyerang berbisa kebangsaan ini sedang dalam perancangan untuk membina sebuah stadium bola sepak lengkap yang menelan belanja RM12 juta untuk kemudahan masyarakat.

"Semuanya sedang dalam perbincangan saya harap ia menjadi kenyataan. Saya juga berdoa siang malam akhirnya berjaya juga membeli tanah seluas empat ekar di kawasan sekitar Gombak untuk dijadikan padang," kata beliau yang juga Penasihat Bola Sepak Veteran Kuala Lumpur.

Turut menitipkan pesanan kepada pemain bola sepak muda, Subadron berkata tiada jalan mudah untuk berjaya melainkan berusaha dan bertawakal kepada Allah SWT.

"Bila kita usaha, biar Tuhan yang tentukan. Tanya diri sendiri ikhlas ke tak. Jangan tipu diri. Kalau dalam latihan misalnya, jurulatih suruh lari keliling padang 10 pusingan, kita lari lebih lagi 20 pusingan. Ini tak, pergi buat lima pusingan je, mana nak berjaya."

"Pemain muda sekarang, kalau nak berjaya jangan banyak fikir nak buat itu ini. Dalam bola, paling penting stamina kena tinggi baru boleh lawan. Selain itu, latihan juga kena disiplin. Ibaratnya kasut bola kita boleh beli mahal tapi stamina kita tak boleh beli," ujar bapa kepada dua orang anak ini lagi.

Berkongsi resipi kejayaan beliau dalam bola sepak, Subadron berkata setiap kali perlawanan yang ingin disertai, keyakinan diri beliau sangat tinggi untuk memenangi perlawanan.

"Saya terfikir kalau pihak lawan ada dua tangan dan kaki, kita pun sama. Jadi, kenapa kita tak boleh jadi hebat seperti mereka? Tiada kurang pun dia dan kita," ujar beliau yang pernah memenangi anugerah pemain terbaik pada tahun 1988.

## BANGGA JADI ANAK KL

BARU sahaja dikurnia-

kan gelaran Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk sempena Hari Wilayah Persekutuan baru-baru ini, beliau terharu usaha yang dicurahkan selama ini dihargai.

"Saya rasa bersyukur tidak terhingga. Selama ini saya selalu pesan kepada pemain dan kawan-kawan kalau kita ikhlas, Allah akan nampak apa yang kita lakukan. Kita rasa perancangan kita baik, tetapi perancangan Dia lebih baik lagi," ujar suami kepada penyanyi Datin Salwa Abdul Rahman, 57.

Bangga dilahirkan sebagai anak jati Kuala Lumpur, Subadron berkata, sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur, dia bangga dengan pencapaian bandar raya tersebut hari ini.

"Saya rasa bersyukur dilahirkan di Kampung Baru, bergelar pemain bola sepak KL malah bapa saya juga bergelar kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dahulu. Jadi, dia juga bersama-sama menyaksikan pembangunan KL.

"Paling manis apabila pasukan Kuala Lumpur City FC (KL City) menjuarai Piala Malaysia sekali gus menamatkan 32 tahun kemarau kejuaraan Piala Malaysia," ujar beliau kepada Wilayahku.

**Sentuh kod QR untuk tonton video berita ini.**



SUBADRON memiliki sebuah akademi iaitu Subadron Football Academy di Batu Caves.



SUBADRON ketika zaman kemuncaknya mewakili negara suatu ketika dahulu.

## Shahidan harap KL City pertahan Piala Malaysia

HAZIRAH HALIM

**MENTERI** Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berharap pasukan Kuala Lumpur City FC mempertahankan kejuaran Piala Malaysia yang dimenangi tahun lalu.

Beliau meletakkan sasaran agar pasukan itu dapat menjulang piala berprestij tersebut sekali lagi serta tidak melupakan perlwanan Liga Super yang akan berlangsung tahun ini.

"KL City perlu berkerja keras untuk memastikan kemenangan dapat dipertahankan bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

"Perlwanan Liga Super ada sasarannya tetapi matlamat utama adalah mengekalkan Piala Malaysia, kalau benar kita ingin menjuarai semua piala yang dipertandingkan," katanya selepas menyaksikan perlwanan merebut Piala Menteri Wilayah Persekutuan di antara KL City dan Negeri Sembilan FC di

Stadium Kuala Lumpur, Cheras, pada 17 Februari lalu.

Dalam pada itu, sempena kemenangan menjuarai Piala Malaysia tahun lalu, skuad bimbingan jurulatih Bojan Hodak tersebut turut menerima insentif bernilai RM1.5 juta. **WK**

**SHAHIDAN** (kanan) menyampaikan replika cek kepada pasukan KL City sejurus perlwanan Piala Menteri Wilayah Persekutuan.



Menang dalam penyertaan pertama

## Parlimen Seputeh juara Paintball Wipers 2022

HAZIRAH HALIM

**P**ASUKAN daripada Parlimen Seputeh merangkul kejuaraan Kejohanan Paintball Wipers 2022 selepas menundukkan pasukan Parlimen Titiwangsa B dalam perlwanan peringkat akhir baru-baru ini.

Perlwanan yang berlangsung di Padang Bola Sepak, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur itu menyaksikan pertempuran sengit antara kedua-dua pasukan namun Parlimen Seputeh berjaya menewaskan pasukan pihak lawan dengan mata sekali gus meletakkan Titiwangsa B di tempat kedua.

Ketua Pasukannya, **Mohd Nor Fazli Mohd Zakaria** berkata, seluruh ahli pasukannya tidak menyangka apabila penyertaan pertama kali ini memperoleh kemenangan.

"Kami semua tidak menyangka mampu mengalahkan 12 pasukan lain termasuk Parlimen Titiwangsa B pada penyertaan pertama kali ini kerana rata-rata mereka sangat hebat dan mempunyai strategi permainan yang bagus."

"Semua pasukan menunjukkan persaingan yang luar biasa daripada awal permainan



PARLIMEN Seputeh menewaskan pasukan Parlimen Titiwangsa B di peringkat akhir Ahad lalu.



NOR FAZLI

tetapi paling hebat adalah tim Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dan Parlimen Cheras.

Tambahnya, kedua-dua pasukan tersebut mempunyai percaturan permainan terbaik serta yakin bahawa mereka terdiri daripada pemain yang berpengalaman dalam sukan paintball.

Dalam pada itu, Fazli berharap agar Kejohanan Paintball ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan

datang dan pasukannya bersedia untuk menyertai sebarang kejohanan jika diadakan.

Dengan kemenangan itu, pasukannya membawa pulang trofi, medal dan wang tunai bernilai RM600 yang disampaikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dalam upacara penyampaian hadiah.

Turut hadir Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri dan Setiausaha Sulit Kanan Menteri Wilayah Persekutuan, Ahmad Fajarazam Abdul Jalil. **WK**



SEMUA pasukan menunjukkan strategi dan corak permainan luar biasa ketika menentang pihak lawan.

## 13 parlimen semarak aktiviti kesukanan

**S**EBANYAK 40 pasukan mewakili 13 parlimen di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menyertai Kejohanan Paintball Wipers 2022 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

Antaranya parlimen Batu, Kepong, Cheras, Titiwangsa dan Seputeh yang bertanding bagi merentas kejuaraan di Padang Bola Sepak, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Urus setia kejohanan, **Mohammad Zulfadli Amiruddin** memaklumkan permohonan penyertaan yang diperoleh pengajur pada awalnya adalah seramai 50 pasukan tetapi ia berkurang kepada jumlah yang dinyatakan kerana rata-rata mereka positif ujian COVID-19.

"Sepuluh pasukan yang telah berdaftar tidak dapat meneruskan penyertaan kerana didapati positif semasa ujian saringan dilakukan.

"Suasana semasa kejohanan berlangsung juga berbeza dengan keadaan sebelum ini yang mana dahulunya kami meletakkan astaka untuk pengunjung menonton tetapi kini pihak pengajur terpaksa menghalang mereka untuk hadir ke sini," katanya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu, Zulfadli berkata kali terakhir kejohanan ini berlangsung di Titiwangsa adalah pada tahun 2017 iaitu Kejohanan Paintball Peringkat Asian Cup yang melibatkan penyertaan daripada pasukan luar negara.

"Tahun lalu kami juga telah mengadakan Malaysia Paintball League di Bangi dengan melibatkan penyertaan daripada 14 negeri," kongsinya.

Menurutnya, pengajuran Kejohanan Paintball boleh dilaksanakan sekiranya ada kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak kerana ia melibatkan kos yang sangat tinggi terutamanya dari segi peralatan dan hadiah.

"Insya-Allah kami akan adakan lagi cuma kami berharap ia mendapat sokongan daripada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari segi penyediaan tempat serta Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) supaya kejohanan seperti ini dapat diadakan kembali," katanya. **WK**

### Senarai Pemenang Kejohanan Paintball Wipers 2022

**JOHAN** - Parlimen Seputeh (Medal, Trofi, Wang Tunai bernilai RM600)

**NAIB JOHAN** - Parlimen Titiwangsa B (medal dan wang tunai bernilai RM400)

**TEMPAT KE-3** - Parlimen Cheras B (medal dan wang tunai bernilai RM300)

**TEMPAT KE-4** : Parlimen Kepong B (medal dan wang tunai bernilai RM200)

**Menerima Medal dan Sijil** -

**TEMPAT KE-5** - Wipers B

**TEMPAT KE-6** - Labuan SEA

**TEMPAT KE-7** - Wipers A

**TEMPAT KE-8** - Parlimen Batu



## Tiada pembangunan di kolam takungan KL - Shahidan

**M**ENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menegaskan bahawa tiada sebarang projek pembangunan komersial atau penukaran hak milik berkenaan enam kolam takungan kepada pihak swasta di ibu negara.

Jelasnya, pihaknya mendapati pembangunan hanya berlaku di pinggiran kolam takungan iaitu di Kolam Wahyu dan Kolam Delima dan ia tidak melibatkan kolam tersebut.

"Tidak ada kolam takungan yang diberi kelulusan untuk membuat apa-apa pembangunan, yang ada (pembangunan) adalah di pinggiran namun ia tidak menjelaskan kapasiti air yang ada itu berubah."

"Tetapi daripada enam kolam ini, ada yang tidak terlibat dengan sebarang pembangunan, ada yang terlibat dengan pembangunan, namun kelulusan itu telah dibatalkan," katanya dalam sidang media selepas menghadiri sesi taklimat berkenaan Kolam Takungan pada Selasa.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPSWPKL), Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) dan Jabatan Perancang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sesi taklimat tersebut turut disertai empat Ahli Parlimen Kuala Lumpur iaitu Teresa Kok (Seputeh), Tan Kok Wai (Cheras) Fong Kui Lun (Bukit Bintang) dan Lim Lip Eng (Keppong).



SHAHIDAN (kiri) bersama-sama Ahli Parlimen Kuala Lumpur menyertai taklimat berkenaan isu kolam takungan Kuala Lumpur pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengarah Eksekutif Perancangan, Datuk TPr Sulaiman.

Dua projek yang telah dibatalkan itu adalah melibatkan pembangunan di dalam kolam takungan iaitu di Kolam Taman Desa dan Kolam Batu 4 1/2.

Menjelas lanjut, Shahidan berkata, proses pemilikan tanah di pinggiran kedua-dua kolam takungan tersebut adalah di bawah kawalan Jabatan Ketua

Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan dilakukan terus kepada pemaju tanpa melibatkan pihak ketiga.

Tambahnya, pihak DBKL hanya akan mengeluarkan Perintah Pembangunan (DO) kepada pemaju selepas mereka memperolehi kelulusan pembangunan daripada PTGWPKL.

Terdahulu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka kertas siasatan berhubung dakwaan Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh yang mendakwa berlaku penukaran status kolam takungan banjir bagi tujuan pembangunan. WK

## DBKL dakwa tiada warga asing berniaga di PBKL

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan pemantauan harian bagi memastikan tiada warga asing bekerja atau berniaga di Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL).

Dalam satu kenyataannya, penguatkuasaan itu selari dengan syarat ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Pasar Borong (WPKL) 2002 bahawa warga asing tidak dibenarkan berniaga atau bekerja di dalam PBKL.

"DBKL juga telah membekukan permohonan lesen baru bagi premis-perniagaan di sekitar Pusat Bandar Utara bagi mengawal aktiviti warga asing yang menjalani

kan perniagaan di kawasan tersebut.

"Tindakan penguatkuasaan oleh DBKL sering dilaksanakan terhadap premis-premis perniagaan yang dijalankan oleh warga asing di Pusat Bandar Utara.

"Tindakan kompaun serta surat tunjuk sebab terhadap pemegang lesen yang mengambil pembantu atau pekerja bukan warganegara tanpa permit kerja yang sah turut dilaksanakan," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut DBKL lagi, pemantauan secara harian yang dilakukan mendapati tiada pembantu atau pekerja bukan warganegara yang dilantik oleh pemegang

lesen di PBKL.

"Warga asing yang masuk ke PBKL merupakan pekerja kepada pembeli atau pembekal yang berurusan dengan pemegang lesen di pasar borong terabit," jelasnya.

Berkenaan dengan Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur, DBKL berkata bangunan itu baru beroperasi pada Jun lepas dan pemantauan secara harian mendapati tiada pekerja atau pembantu bukan war-

ganegara di pasar tersebut.

"Pada tahun sama, sebanyak 16 premis turut ditutup kerana melanggar syarat lesen.

"Bagaimanapun, bagi premis-premis perniagaan yang berlesen di sekitar Pusat Bandar Utara adalah dibenarkan untuk melantik pekerja bukan warganegara sekiranya individu tersebut

mempunyai permit kerja yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

Ujarnya, sebanyak 4,636 kompaun meliputi 1,289 notis kompaun di dalam PBKL dan 3,347 kompaun di luar PBKL dikeluarkan DBKL menerusi tindakan penguatkuasaan yang dijalankan di lokasi tersebut pada tahun lalu.

"Bagaimanapun, bagi premis-premis perniagaan yang berlesen di sekitar Pusat Bandar Utara adalah dibenarkan untuk melantik pekerja bukan warganegara sekiranya individu tersebut

## Hargai pengorbanan pasangan - Ernie Zakri

DEEL ANJER

KADANG-KADANG kita lupa untuk menghargai pasangan yang sentiasa ada bersama kita dalam susah atau senang.

Sehingga berlaku sebuah kehilangan, maka lahirlah rasa sesal yang tiada berkesudahan.

Itulah yang disampaikan oleh penyanyi bervokal hebat **Ernie Zakri** atau nama sebenarnya Nur Ernie Shahirah Zakri, 30, dalam lagu terbaharunya yang juga ciptaannya berjudul *Korban*.

"Ketika hamil sebelum ini, saya masih lagi sempat merekodkan sebuah lagu khas buat orang-orang tersayang dalam hidup saya, terutamanya buat suami tercinta.

"Konsep lagu *Korban* memang kena sebenarnya dengan keadaan saya yang sedang hamil. Dulu, pelbagai pengorbanan telah Syamel lakukan sebagai suami serta bapa.

"Saya ciptakan lagu ini bagi menghargai segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh Syamel, banyak yang telah ditempuhnya sepanjang saya mengandung," ujar Ernie.

Ernie juga meluahkan rasa syukur apabila dikurniakan suami yang ikhlas berkorban apa sahaja.

"Bayangkanlah perasaan Syamel ketika itu, dengan keadaan arwah umi yang sedang tenat di hospital manakala saya pula sedang hamil, tak dapat saya ungkapkan.

"Maksud lagu *Korban* ini besar maknanya, pengorbanan pasangan dalam menjaga hubungan sewaktu senang maupun susah malah dalam keadaan rapuh sekalipun.

"Jadi apa yang saya boleh cakap, hargailah perngorbanan pasangan untuk hidup bahagia yang mana ia tidak boleh dibeli dengan wang ringgit," katanya yang telah selamat melahirkan cahaya mata perempuan di sebuah pusat perubatan di ibu negara pada 22 Februari lalu.

Manisnya, bayi sulung Ernie dan suaminya, Syamel itu dilahirkan pada tarikh cantik iaitu 22 Februari 2022 atau 22.02.2022.

Ernie menerusi satu hantaran dalam media sosial bersyukur dengan kehadiran seorang cahaya mata yang menyerikan lagi keluarga kecil mereka.

"Syukur Alhamdulillah. Cinta hati daddy dan ibu telah selamat dilahirkan pada 22 Februari 2022 pada pukul 10.14 pagi. Doakan kesihatan kami berdua," tulisnya ringkas.

Jangan lupa dapatkan lagu *Korban* menerusi platform digital seperti Apple Music, Spotify, Joox, YouTube Music, KKBox dan Deezer.

Manakala lirik video single ini pula boleh ditonton secara eksklusif di YouTube Rockefuel Network. WK

